



PERBANDINGAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT LADANG DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH TAMIL MALAYSIA DAN SRI LANKA

KUNASEELAN A/L SUBRAMANIAM



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020





**PERBANDINGAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT LADANG DALAM
NOVEL-NOVEL TERPILIH TAMIL MALAYSIA DAN SRI LANKA**

KUNASEELAN A/L SUBRAMANIAM

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020





PERBANDINGAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT
LADANG DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH
TAMIL MALAYSIA DAN SRI LANKA

KUNASEELAN A/L SUBRAMANIAM

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



UPSI/IPS-3/BO 25
Pind: 03 m/s: 5/5



Sila Taipkan (✓):

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ____14____(hari bulan) Januari (bulan) 2020.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **KUNASEELAN SUBRAMANIAM, P20142002317 DARI FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PERBANDINGAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT LADANG DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH TAMIL MALAYSIA DAN SRI LANKA** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

_____.t.t._____
Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **SAMIKKANU JABAMONEY ISHAK SAMUEL** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PERBANDINGAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT LADANG DALAM NOVE-NOVEL TERPILIH TAMIL MALAYSIA DAN SRI LANKA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi "[sebahagian=>mod B & C/sepenuhnya=>PhD & mod A]" syarat untuk memperoleh Ijazah **PhD. (Kesusasteraan Tamil)**

31.1.2020
Tarikh

_____.t.t._____
Tandatangan Penyelia

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

Perbandingan Sosioekonomi Masyarakat Ladang Dalam Novel-novel
Terpilih Tamil Malaysia Dan Sri Lanka

No. Matrik /Matric No.:

P20142002317

Saya / I :

Kunaseelan A/L Subramaniam

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

t.t.

t.t.

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh:

31.1.2020

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr. Samikkanu Jabamoney selaku penyelia di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang beliau berikan daripada peringkat awal sehingga selesai tugas ini. Komitmen beliau terutamanya semasa menyelia dan menyemak draf kajian serta tunjuk ajar beliau berkenaan kaedah penulisan ilmiah yang sistematik adalah sangat bermakna dan berguna kepada saya. Tidak lupa juga kepada penyelia bersama Dr. Kingston Paul Thamburaj yang banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar pada peringkat awal dalam menjalankan kajian ilmiah ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada pihak perpustakaan Universiti Jafna, Universiti Peradeniya, Universiti Timur (East university), Universiti Tenggara (South East university) di Sri Lanka dan pihak Perpustakaan UPSI, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan awam Daerah Klang serta Perpustakaan IPG Kampus Ipoh yang banyak membantu saya mendapatkan bahan sumber dalam memantapkan penulisan kajian ilmiah ini. Penghargaan ini juga ditujukan kepada para pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, dan rakan-rakan seperjuangan di Jabatan Bahasa dan Unit Pengajian Tamil yang memberikan nasihat, semangat dan sokongan dalam menjalankan kajian ini.

Penghargaan dan kalungan kasih buat isteri saya Pn. Thamilselvi Chandran, ibu saya Pn. Renganygee Siniwasan dan anak-anak saya Ratna Tharsni Kunaseelan dan Kaartiyaini Kunaseelan di atas dorongan dan sokongan serta semangat yang dihulurkan dalam menyiapkan kajian ini. Penghargaan yang sama juga ditujukan kepada ahli keluarga, rakan-rakan dan pelajar-pelajar Unit R5 (IPGKI) yang membantu dan mendoakan kejayaan saya.

Sekian. Terima kasih.

KUNASEELAN SUBRAMANIAM



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan membandingkan isu-isu sosioekonomi masyarakat ladang dalam sepuluh buah novel terpilih Tamil Malaysia dan Sri Lanka serta menganalisis unsur-unsur keselarian dalam isu-isu sosioekonomi tersebut. Novel-novel ini dipilih berdasarkan persamaan unsur intrinsik yang memaparkan kehidupan masyarakat ladang dan status sosioekonomi. Kajian ini ialah sebuah kajian kepustakaan berdasarkan analisis teks dan deskriptif. Analisis dan perbincangan dibuat berpandukan teori kesusasteraan bandingan yang dipelopori oleh Henry H.H. Remak serta menggunakan pendekatan tematik dan pendekatan keselarian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat enam tema utama sosioekonomi yang berkisar pada kemiskinan, pendapatan, perumahan, pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas dalam kalangan masyarakat ladang di Malaysia dan di Sri Lanka. Selain itu, terdapat 12 persamaan dan 18 perbezaan yang berkaitan dengan lapan persoalan, iaitu makanan, pakaian, gaji yang rendah, amalan berhutang, rumah ladang, pendidikan sekolah Tamil, perkhidmatan kesihatan serta air, elektrik, jalan dan sanitasi. Di samping itu, lapan unsur keselarian telah dikenal pasti, iaitu pendapatan yang rendah, faktor kemiskinan, iklim dan wilayah, budaya dan nilai, sistem ekonomi kapitalis, dasar pecah dan perintah, sikap budaya miskin serta faktor pengarang dan persekitaran. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan keadaan sosioekonomi yang hampir sama dalam kalangan masyarakat ladang di Malaysia dan di Sri Lanka. Implikasi kajian ini adalah penting bagi memahami kepentingan novel-novel Tamil yang menjadi sumber pensejarahan masyarakat ladang di Malaysia dan di Sri Lanka.





SOCIOECONOMIC COMPARISON OF PLANTATION COMMUNITIES IN SELECTED TAMIL NOVELS OF MALAYSIA AND SRI LANKA

ABSTRACT

The objective of this study is to identify and compare the socioeconomic issues of the plantation communities in ten selected Tamil novels of Malaysia and Sri Lanka as well as to analyse the parallel elements in these socioeconomic issues. These novels are selected based on the similarity of intrinsic elements that reflect plantation life and socioeconomic status. This research is a library study based on textual and descriptive analysis. The analysis and discussions are based on comparative literary theory pioneered by Henry H.H. Remak and uses thematic and parallel approaches. The findings of this research show that there are six major socioeconomic themes that are related to poverty, income, housing, education, health and basic amenities among plantation communities in Malaysia and Sri Lanka. In addition, there are 12 similarities and 18 differences related to the eight issues, namely food, clothing, low wages, indebtedness, quarters, Tamil school education, health and as well as water, electricity, roads and sanitation services. Furthermore, eight parallel elements, namely low income, poverty, climate and region, culture and values, capitalist economic system, policy of divide and rule, cultural attitude towards poverty as well as authorship and environmental factors have also been identified. In conclusion, this study shows that socioeconomic conditions are very similar among plantation communities in Malaysia and Sri Lanka. The implications of this study are important to understand the importance of Tamil novels as historical sources of plantation communities in Malaysia and Sri Lanka.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
TRANSLITERSI	xv
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	7
1.2.1 Masyarakat Imigran India di Malaysia	16
1.2.2 Masyarakat Imigran India di Sri Lanka	27
1.3 Permasalahan Kajian	38
1.4 Objektif Kajian	43
1.5 Soalan Kajian	43
1.6 Kepentingan Kajian	43
1.7 Batasan Kajian	48
1.8 Definisi Istilah	52
1.8.1 Kajian Perbandingan	52
1.8.2 Novel Tamil Malaysia	53
1.8.3 Novel Tamil Sri Lanka	54
1.8.4 Ladang	56
1.8.5 Masyarakat Ladang	57
1.8.6 Sosioekonomi	59
1.9 Kesimpulan	60



**BAB 2 SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	62
2.2	Kajian-Kajian Terdahulu Berkaitan Dengan Novel Tamil Di Malaysia dan Sri Lanka	63
2.3	Kajian-kajian Terdahulu Berkaitan Sastera Bandingan	81
2.4	Sorotan Sastera yang Berkaitan dengan Teori Sastera Bandingan dalam Bahasa Tamil	89
2.5	Kesimpulan	91

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	92
3.2	Rekabentuk Kajian	93
3.2.1	Kerangka Kajian	94
3.3	Kaedah Kajian	95
3.3.1	Kaedah Kajian Kepustakaan	96
3.3.2	Kaedah Analisis Teks	98
3.3.3	Perbandingan Teks	98
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	99
3.4.1	Pembacaan Data	99
3.4.2	Pemilihan Data	99
3.4.3	Pembahagian Data	100
3.5	Kaedah Penganalisisan Data	100
3.6	Teori Kajian	101
3.6.1	Teori Kesusasteraan Bandingan	101
3.6.1.1	Pendekatan Tematik	110
3.6.1.2	Pendekatan Keselarian	112
3.6.2	Kerangka Teori	115
3.7	Kesimpulan	116

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	117
4.2	Dapatan dan Analisis Kajian	118
4.2.1	Kemiskinan	126
4.2.1.1	Makanan	131



4.2.1.2 Pakaian	154
4.2.2 Pendapatan	166
4.2.2.1 Upah/ gaji	168
4.2.2.2 Amalan Berhutang	190
4.2.3 Perumahan	208
4.2.3.1 Rumah Ladang	209
4.2.4 Pendidikan	227
4.2.4.1 Pendidikan Sekolah Tamil	228
4.2.5 Kesihatan	254
4.2.5.1 Perkhidmatan Kesihatan	256
4.2.6 Kemudahan Asas	272
4.2.6.1 Air, Elektrik, Jalan dan Sanitasi	275
4.3 Pengarang dan Persekitarannya	291
4.4 Kesimpulan	296

BAB 5 KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	299
5.2 Analisis Dapatan Kajian	300
5.2.1 Isu-isu sosioekonomi masyarakat ladang di Malaysia dan Sri Lanka	303
5.2.2 Persamaan dan Perbezaan dalam Isu-isu sosioekonomi masyarakat ladang di Malaysia dan Sri Lanka	304
5.2.3 Unsur-unsur Keselarian dalam NTM dan NTSL	307
5.3 Cadangan Kajian Lanjutan	315
5.4 Kesimpulan	316

RUJUKAN	319
----------------	-----

LAMPIRAN	336
-----------------	-----

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Masyarakat India keturunan Tamil di Malaysia dan Sri Lanka 1871-1981.	15
1.2	Penghijrahan masyarakat imigran Tamil ke Sri Lanka, Malaysia dan Burma (1871 – 1946)	21
1.3	Novel-novel Tamil Malaysia yang dipilih (NTM)	49
1.4	Novel-novel Tamil Sri Lanka yang dipilih (NTSL)	49
4.1	Isu-isu Persoalan Makanan dalam NTM	133
4.2	Isu-isu Persoalan Makanan dalam NTSL	135
4.3	Perbandingan Isu-isu Persoalan Makanan dalam NTM dan NTSL	139
4.4	Kemiskinan Tegar di Malaysia 1984 – 2012	142
4.5	Isu-isu kesamaan dalam persoalan makanan dan unsur-unsur keselarian	147
4.6	Perbezaan Pendapatan Purata bulanan Antara Pekerja Ladang Dengan Pekerja Kilang (1967, 1981 di Malaysia)	149
4.7	Upah Harian Buruh Ladang di Malaysia dan Sri Lanka.	150
4.8	Isu-isu Persoalan Pakaian dalam NTM	155
4.9	Isu-isu Persoalan Pakaian dalam NTSL	157
4.10	Perbandingan Isu-isu Persoalan Pakaian dalam NTM dan NTSL	159
4.11	Isu-isu kesamaan dalam persoalan pakaian dan unsur-unsur keselarian	162
4.12	Isu-isu Persoalan Upah/ Gaji dalam NTM	169
4.13	Isu-isu Persoalan Upah / Gaji dalam NTSL	171
4.14	Perbandingan Isu-isu Persoalan Upah/ Gaji dalam NTM dan NTSL	175
4.15	Isu-isu kesamaan dalam persoalan upah / gaji dan unsur-unsur keselarian.	180
4.16	Pekerja Ladang: Kadar Kemiskinan, 1970 – 1983	185





4.17	Keuntungan yang Diumumkan Beberapa Syarikat Perladangan, 1983	186
4.18	Isu-isu Persoalan Amalan Berhutang dalam NTM	191
4.19	Isu-isu Persoalan Amalan Berhutang dalam NTSL	194
4.20	Perbandingan Isu-isu Persoalan Amalan Berhutang dalam NTM dan NTSL	196
4.21	Isu-isu kesamaan dalam persoalan amalan berhutang dan unsur-unsur keselarian	199
4.22	Isu-isu Persoalan Rumah Ladang dalam NTM	211
4.23	Isu-isu Persoalan Rumah Ladang dalam NTSL	214
4.24	Perbandingan Isu-isu Persoalan Rumah Ladang dalam NTM dan NTSL	216
4.25	Isu-isu kesamaan dalam persoalan rumah Ladang dan unsur-unsur keselarian	219
4.26	Isu-isu Persoalan Pendidikan dalam NTM	230
4.27	Isu-isu Persoalan Pendidikan Sekolah Tamil dalam NTSL	233
4.28	Perbandingan Isu-isu Persoalan Pendidikan Sekolah Tamil dalam NTM dan NTSL	237
4.29	Isu-isu kesamaan dalam persoalan pendidikan sekolah Tamil dan unsur-unsur keselarian.	244
4.30	Isu-isu Persoalan Kesihatan dalam NTM	257
4.31	Isu-isu Persoalan Kesihatan dalam NTSL	260
4.32	Perbandingan Isu-isu Persoalan Kesihatan dalam NTM dan NTSL	263
4.33	Isu-isu kesamaan dalam persoalan kesihatan dan unsur-unsur keselarian	267
4.34	Isu-isu Persoalan Kemudahan Asas dalam NTM	274
4.35	Isu-isu Persoalan Kemudahan Asas dalam NTSL	279
4.36	Perbandingan Isu-isu Persoalan Kemudahan Asas dalam NTM dan NTSL	281





4.37	Isu-isu kesamaan dalam persoalan kemudahan asas dan unsur-unsur keselarian	283
5.1	Isu-isu sosioekonomi masyarakat ladang yang dikenal pasti dalam NTM dan NTSL	303
5.2	Perbandingan Isu-isu Sosioekonomi dalam NTM dan NTSL	305
5.3	Unsur-unsur keselarian dalam isu-isu sosioekonomi masyarakat ladang di Malaysia dan Sri Lanka	308





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Kajian	94
3.2 Kerangka Teori	115
4.1 Kerangka Isu-isu Sosioekonomi dalam NTM dan NTSL	125



**SENARAI SINGKATAN**

NTM	Novel Tamil Malaysia
NTSL	Novel Tamil Sri Lanka
UNP	United National Party (Sri Lanka)
RME	Rancangan Malaysia keempat
RMK	Rancangan Malaysia Ke-
PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan
DEB	Dasar Ekonomi Baru
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
ILO	International Labour Organization
CUEPACS	Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services
MDI	Malaysian Department of Insolvency
MAPA	Malaysian Agricultural Producers Association
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
SERU	Socio-Economic Research Unit
WHO	World Health Organization
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
RTM	Radio Television Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
NLFCS	National Land Finance Cooperative Society
PNB	Permodalan Nasional Berhad
GLC	Government Link Companies





TRANSLITERASI

Penggunaan transliterasi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui transliterasi Bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada Sistem Transliterasi yang digunakan dalam Tamil Lexicon. Berikut adalah dasar-dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil yang digunakan.

உயிரெழுத்துகள் / Huruf-huruf Vokal

அ	-	a	எ	-	e
ஆ	-	a:	ஏ	-	e:
இ	-	i	ஐ	-	ai
ஈ	-	i:	ஒ	-	o
உ	-	u	ஓ	-	o:
ஊ	-	u:	ஔ	-	au
			ஃ	-	x

மெய்யெழுத்துகள் / Huruf-huruf Konsonen

க	-	k	த	-	th	ல்	-	l
ங்	-	ng	ந்	-	nh	வ்	-	v
ச	-	c	ப்	-	p	ழ்	-	l-
ஞ்	-	nj	ம்	-	m	ள்	-	l:
ட்	-	t:	ய்	-	y	ற்	-	t
ண்	-	n:	ர்	-	r	ன	-	n

சமஸ்கிருத எழுத்துகள் / Huruf-huruf Sanskrit

ஜ்	-	j	ஹ்	-	h
ஷ்	-	sh	க்ஷ	-	ks
ஸ்	-	s	ஸ்ரீ	-	sri



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kesusasteraan merupakan satu bidang yang memperlihatkan aliran pemikiran para sarjana. Kesusasteraan yang berupa seni mengandungi unsur-unsur emosi, imaginasi dan akal budi (Mohamad Mokhtar Hassan,1995). Terdapat pelbagai pendapat tentang fungsi susastera dalam masyarakat. Menurut Ashraf Nordin (1972), susastera ialah hasil karya yang mempunyai unsur keindahan serta yang dapat menawan hati pembaca. Hashim Awang (1985) pula menyatakan bahawa susastera yang dihasilkan tetap mempunyai tujuan. Beliau membahagikan tujuan ini kepada dua, iaitu pelajaran dan hiburan.



Menurut para sarjana Tamil, kesusasteraan merupakan ekspresi tertinggi masyarakat dalam mencerminkan kehidupan *agam* (dalaman-minda) dan *puram* (luaran-fizikal) yang meliputi nilai-nilai kecintaan, kemanusiaan, kebudayaan, kesenian, kebendaan dan kehidupan semasa sesuatu bangsa. Begitulah wujudnya sesuatu hasil karya, iaitu karya tidak lagi sebagai alat hiburan semata-mata, sebaliknya menjadi cetusan pemikiran yang bernas yang diadun dengan teknik penulisan yang berseni dan bermutu.

Kesusasteraan memerlukan tafsiran dan penilaian untuk memahami dan menghayatinya kerana merupakan seni yang bercorak intelek. Tugas meneliti dan mentafsir sastera merupakan penilaian terhadap mutu ciptaan sesebuah karya itu sendiri. Hasil daripada penelitian inilah wujudnya teori sastera yang menjadi kayu pengukur kepada standard penciptaan sastera (Hamzah Hamdani, 1988).

Kritikan sastera telah diterima sebagai satu disiplin ilmu yang saintifik yang dapat menganalisis dan menilai sesuatu karya kreatif. Oleh itu, apabila berdepan dengan sastera moden Tamil, kajian dan penyelidikan menerusi kaedah penelitian yang lebih khusus dan ilmiah, terutama dalam bidang kesusasteraan bandingan adalah amat penting. Dewasa ini, kajian terhadap teks-teks Tamil telah banyak dilakukan. Namun, analisis perbandingan antara teks yang berlainan negara jarang ditemui dalam bahasa Tamil. Kajian perbandingan novel-novel Tamil di antara Malaysia dengan Tamil Nadu atau Sri Lanka adalah penting untuk menunjukkan kesinambungan yang jelas antara ketiga-tiga negara bekas jajahan British. Berdasarkan tinjauan pengkaji, wajar





dilakukan satu kajian perbandingan teks antara negara yang mempunyai masyarakat imigran dari India atau diaspora India seperti di Malaysia dan di Sri Lanka.

Malaysia dan Sri Lanka merupakan negara jajahan British yang mempunyai hubungan sejarah dan sastera dengan negara India, terutama wilayah Tamil Nadu sejak beratus-ratus tahun dahulu. Masyarakat diaspora India yang menetap di kedua-dua negara ini mempunyai corak kehidupan tersendiri yang mudah difahami dalam bentuk penulisan sastera. Diaspora, biasanya merujuk kepada masyarakat yang terpisah dari negara asal disebabkan oleh faktor politik, ekonomi, sosial dan faktor-faktor lain. Sehubungan itu, imigran India yang terpisah dari wilayah asalnya sejak pada zaman penjajahan hidup bertaburan di Malaysia dan di Sri Lanka. Penghijrahan merupakan suatu proses kehidupan diaspora (Mohd. Nazreen, 2018).



Pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 berlaku penghijrahan masyarakat imigran India ke negara-negara jajahan British. Dalam pada itu, Malaysia dan Sri Lanka adalah antara negara yang telah menerima buruh imigran India secara besar-besaran dari India (Sandhu, K.S., 1969). Kebanyakan orang India masuk ke Tanah Melayu (Malaysia) untuk bekerja sebagai buruh di ladang getah, tebu dan kopi serta di jabatan kerja raya, majlis bandaran dan perkhidmatan keretapi serta dalam pelbagai bidang lain. Menurut Stenson, M.R., (1980):

In addition to the labourers, who accounted or 73% of gainfully employed, Indians, they came from many parts of India an assorted crowd of migrants seeking many types of employment: Marakkayar shopkeepers, Gujarati merchants, Chettiar bankers or money lenders, Punjabi policemen and





watch keepers, Tamil and Malayalee administrators and clerk, lawyers, doctors dan teachers.

(Stenson, M,R., 1980, p.26)

Pada mulanya, imigran India datang ke Malaysia bertujuan untuk bekerja di ladang-ladang, namun perkembangan politik, sosial dan ekonomi yang berlaku di Malaysia ketika itu telah mengubah situasi lalu sebilangan kecil orang dari India turut diberi peluang pekerjaan dalam sektor-sektor lain. Keadaan ini tidak berlaku di Sri Lanka kerana imigran dari India diimport untuk bekerja dalam sektor perladangan sahaja (Arunasalam, K., 2003). Orang-orang tempatan, khasnya masyarakat Tamil Ceylon telah memenuhi keperluan pekerjaan dalam sektor-sektor lain di Sri Lanka.

Kehadiran beramai-ramai orang India telah memperkembangkan pendidikan

Tamil serta kesusasteraan Tamil di Malaysia dan di *Malayagam*, Sri Lanka. *Malayagam* ialah kawasan yang diduduki oleh masyarakat imigran India. Perkembangan pendidikan Tamil menyebabkan para pembaca bahan-bahan bacaan Tamil turut bertambah dari semasa ke semasa. Sumbangan dan peranan akhbar Tamil dianggap sebagai faktor utama dalam perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia dan di Sri Lanka. Pendidikan sekolah Tamil telah merintis jalan kepada kebangkitan genre-genre sastera, terutamanya perkembangan novel Tamil (Dandayudam, R., 1979 dan Arunasalam, K., 2003).

Di Sri Lanka, kesusasteraan Tamil telah lama berkembang dan mempunyai identiti tersendiri. Hal ini kerana, orang-orang Tamil Ceylon yang merupakan kelompok etnik kedua terbesar di Sri Lanka secara giat terlibat dalam perkembangan sastera Tamil semenjak abad ke-12 lagi. Mereka dikatakan mula menetap di Sri Lanka





antara awal masehi sehingga abad ke-12. Pada sekitar abad ke-14, mereka berjaya mendirikan sebuah kerajaan yang terletak di sekitar Jaffna dengan ibu kotanya di Nallur. Mereka kaya dengan ilmu kesasteraan dan budaya Tamil yang setanding dengan negeri Tamil Nadu di India (Murugar Kunasingam, 2008).

Sehubungan itu, perkembangan kesusasteraan Tamil serta bidang penulisan novel telah lama mengorak langkah di Sri Lanka. Namun, penglibatan masyarakat imigran India yang menetap di wilayah tengah pergunungan Sri Lanka dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Tamil adalah seiring dengan masyarakat India di Malaysia. Oleh itu, usia perkembangan bidang bahasa dan kesusasteraan Tamil dalam kalangan masyarakat diaspora India di Malaysia dan di Sri Lanka adalah sam, hampir 200 tahun. Namun, pelbagai genre sastera Tamil yang bermutu termasuk novel-novel telah dihasilkan oleh para pengkarya masyarakat diaspora ini (Arunasalam, K., 2003).

Sastera sebagai media yang mencerminkan kehidupan masyarakat turut juga memaparkan sejarah kemajuan sesuatu bangsa. Sehubungan itu, para pengarang novel Tamil di Malaysia dan di Sri Lanka telah menghasilkan karya-karya berdasarkan pengamatan serta perasaan dan pengalaman mereka dalam menjalani kehidupan sebagai masyarakat diaspora di kedua-dua negara. Pelbagai masalah masyarakat ladang diungkapkan dalam novel-novel mereka. Di samping itu, pemikiran para pengarang novel merupakan salah satu aspek utama dalam kajian karya sastera novel. Bersandarkan pendapat ini, adalah didapati bahawa hasil karya novel-novel terpilih Tamil masyarakat diaspora ini lebih menjurus kepada isu-isu sosioekonomi masyarakat





ladang dan persoalan yang berkaitan dengan cabaran-cabaran masa depan mereka di di Malaysia dan di Sri Lanka (Sagar Narayanan, 2009 & Srithar, 2014).

Novel sebagai satu genre prosa moden membawa makna tertentu melalui penceritaan, perwatakan dan peristiwa yang dibawa secara langsung dan tidak langsung. Sehubungan itu, pengkaji telah meneliti dan menilai karya novel Tamil dari Malaysia dan Sri Lanka secara perbandingan. Kajian ini juga bersesuaian dengan disiplin kesusasteraan bandingan yang mula dipelopori oleh tokoh-tokoh Eropah dan Amerika dan kemudiannya dibawa masuk ke beberapa negara lain termasuk Malaysia (Sohaimi Abdul Aziz, 2001).

Walaupun kajian perbandingan antara novel Tamil Malaysia dengan Sri Lanka dijalankan dengan menggunakan kesusasteraan bandingan belum pernah dilakukan, namun diharap kajian ini akan memberi manfaat yang besar kepada bidang bahasa dan kesusasteraan Tamil di kedua-dua negara. Tambahan pula, kecenderungan untuk membandingkan aspek sosioekonomi masyarakat ladang antara novel-novel Tamil Malaysia dengan Sri Lanka juga belum pernah dilakukan. Justeru, kajian ini akan membuka ruang kepada para pengkaji untuk terus meneroka teori-teori baharu ini dalam mengkaji karya-karya sastera Tamil masyarakat diaspora yang lain.





1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian yang bertajuk *Perbandingan Sosioekonomi Masyarakat Ladang dalam Novel-novel terpilih Tamil Malaysia dan Sri Lanka* ini mempunyai latar belakangnya tersendiri.

Sememangnya, kajian ini ialah kajian yang agak baharu dalam bidang kesusasteraan Tamil memandangkan kajian-kajian terdahulu yang dilakukan terhadap teks-teks sastera Tamil hanya berkisar pada tema, persoalan, plot, watak, perwatakan, latar dan sudut pandangan serta pandangan pengarang. Kajian perbandingan antara teks dari kedua-dua negara ini memberi fokus kepada persoalan mengenai kedudukan sosioekonomi masyarakat ladang yang ditonjolkan dalam novel-novel terpilih Tamil di Malaysia dan di Sri Lanka serta faktor-faktor persamaan yang membawa kepada keadaan tersebut.

Kajian perbandingan antara novel Tamil Malaysia dengan Sri Lanka (*Sri Lanka up-country Tamil novels*) ini ialah suatu usaha untuk mengkaji kehidupan masyarakat diaspora yang ditempatkan di ladang getah dan teh pada zaman penjajahan British dalam lingkungan abad ke-19. Kaum India telah dibawa masuk oleh penjajah British untuk menjayakan dasar-dasar ekonomi mereka, khususnya perusahaan getah di Tanah Melayu dan teh di Sri Lanka. Menurut Jomo (1988), kesukaran untuk mendapatkan proletar tempatan menyebabkan buruh India telah dibawa bekerja untuk kerajaan kolonial dan dalam sektor kapitalis milik British (Jomo, K.S., 1988). Namun, sejak kurun pertama masehi lagi, Tanah Melayu telah dikunjungi oleh pedagang-pedagang





pengembang agama Hindu dan Buddha, terutama golongan Tamil (Ramasamy C.T., 2011).

Orang-orang Tamil berketurunan India yang berasal daripada ketamadunan Lemuria atau Limuria (kadangkala dikenali sebagai *Kumari Kandam*) yang terkenal suatu ketika dahulu yang pada awalnya ialah pedagang dan pengembang agama. Malangnya, mengikut peredaran masa, mereka telah berhijrah sebagai masyarakat imigran pada awal abad ke-19 lalu hidup di serata dunia sebagai masyarakat pendatang. Catatan-catatan sejarah membuktikan kewujudan ketamadunan Lemuria di India yang diduduki oleh orang-orang Tamil India (Murasu Nedumaran, 1997).

Sivalingam, S. (2015) dalam bukunya *Tamil migrants in the overseas* memberi satu gambaran umum tentang masyarakat imigran ini. Dalam catatannya, beliau menyatakan bahawa orang-orang Tamil di India yang pernah menjadi pemerintah negara seperti kerajaan Chola suatu ketika, telah menjadi masyarakat imigran pada abad ke-18 lalu bertaburan luas di suatu kawasan di antara Kepulauan Caribbean hingga kepulauan Fiji di bawah naungan Inggeris dan Perancis. Bersandarkan pernyataan itu, dapatlah dirumuskan bahawa masyarakat Tamil dari India yang pernah berkuasa sebagai raja dan pemerintah di bumi tersendiri telah kehilangan kuasa pemerintahan dan politik akibat kedatangan kuasa-kuasa asing, terutama pihak penjajah, lalu mereka menjadi masyarakat diaspora atau imigran di serata dunia. Menurut Jayaseelan Raj:

Being the largest component of Indian emigration during the colonial era, Tamil indenture workers – were sent to coffee, sugar and tea plantations around Indian ocean particularly to Ceylon (Sri Lanka), Malaya (Malaysia), Burma





(Myanmar), princely state of Travancore (Kerala). A comparatively lower number of Tamil workers were also received by Fiji, Guyana and Mauritius.

(Jayaseelan Raj, 2010, p.11)

Sehubungan dengan pernyataan di atas, didapati pekerja Tamil yang begitu paling ramai telah berhijrah ke negara Sri Lanka, Malaysia, Myanmar, Fiji, Guyana dan Mauritius. Jumlah penutur bahasa Tamil yang berhijrah itu dianggarkan lebih daripada 60 juta orang (Kaliaperumal, 1997). Mereka tersebar luas di merata dunia. Masyarakat Tamil India tergolong dalam kumpulan Dravida bersama dengan etnik lain seperti Telugu, Malayalam, dan Kannada. Kesemua kumpulan suku kaum dalam kumpulan Dravidian ini mempunyai ciri-ciri sosiobudaya dan kepercayaan agama yang sama.



negara di dunia ini telah mengalami proses diasporisasi, iaitu penghijrahan masuk dan keluar orang asing ke suatu wilayah secara besar-besaran. Dalam konteks ini, proses penghijrahan ini berkait rapat dengan proses migrasi. Migrasi merupakan satu proses demografi yang melibatkan perpindahan penduduk dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Migrasi merupakan suatu proses pergerakan penduduk yang penting dalam perkembangan sosioekonomi sesuatu kawasan.

Kedatangan orang-orang India ke Asia Tenggara dapat dikesan mulai abad pertama kurun masehi lagi. Orang India sanggup menyeberangi lautan dan samudera yang begitu luas untuk mencari kekayaan. Mereka mengharungi lautan bagi tujuan perdagangan, penaklukan dan pengembangan agama. Berikutan itu, hubungan antara





India dengan Malaysia (Tanah Melayu) sudahpun bermula berabad-abad dahulu disebabkan oleh penaklukan dan perdagangan serta diteruskan juga pada abad ke 18, semasa pemerintahan British di Tanah Melayu sebagai pekerja imigran. Sebelum kedatangan British, orang-orang India yang datang ke Malaysia sebagai penakluk wilayah, pedagang-pedagang, saudagar-saudagar, sami-sami dan sebagainya (Rajakrishnan, M.,1994).

Menurut Hall, D.G.E (1984), kehadiran masyarakat India dan perhubungan antara India dengan Tanah Melayu adalah sangat panjang dan wujud sejak zaman kegemilangan Raja Rajendra Chola 1 dari India Selatan. Tun Sri Lanang pengkarya *Sejarah Melayu Sulalatus Salatin* mengenalnya sebagai Raja Suran (<http://karyaagungupsi.blogspot.com/2014/04/>). Raja Chola pernah menawan Kota Kedah, dan mendirikan kerajaannya di Lembah Bujang. Candi-candi yang terdapat di Lembah Bujang, Kedah membuktikan fakta sejarah kedatangan terawal orang Tamil ke Tanah Melayu. Dalam inskripsi Tanjur bertarikh 1030-1031, terdapat catatan bahawa Langkasuka diserang oleh Rajendra Chola pada tahun 1025.

Seterusnya, artifak-artifak yang ditemui di Lembah Bujang membuktikan bahawa Kerajaan Kadaram (Kedah Tua) telah berkembang menjadi pelabuhan entrepot dari abad pertama hingga abad ke-13. Penemuan candi-candi di Kuala Sungai Bujang, Sungai Batu, Sungai Merbok dan Kuala Muda membuktikan kedatangan pedagang-pedagang India Selatan ke Tanah Melayu.





Dalam rangka sejarah Semenanjung Malaysia, Kedah merupakan salah sebuah kerajaan tertua di dunia. Daerah ini yang terletak di zon penyelidikan arkeologi Lembah Bujang adalah merupakan daerah yang pernah bertapaknya sebuah kerajaan di bawah pengaruh Hindu sebelum kedatangan Islam.
(Nik Hassan Suhaimi, 1992, m.s.13)

Kerajaan Hindu Srivijaya pernah menguasai pelabuhan-pelabuhan utama di sepanjang pantai barat dan timur di Tanah Melayu pada abad ke-9. Ketika itu ramai pedagang India keturunan Tamil mempunyai ikatan hubungan dengan Tanah Melayu. Satu lagi catatan yang membuktikan hubungan India dengan alam Melayu adalah seperti berikut.

Secara kebetulan, raja-raja Melaka sebenarnya adalah dari Singapura yang berasal dari raja-raja Srivijaya yang berpusat di Palembang. Inilah empayar Melayu yang pertama sekali. Parameswara, raja Melaka yang pertama sekali dipercayai berasal dari Palembang. Cara kebetulan pula Palembang (selepas itu Jambi) telah menjadi ibu negara bagi Srivijaya.
(Yusoff Iskandar, 1984, p.82)

Devahuti, D. (1965) pula menjelaskan bahawa hubungan antara Tanah Melayu dengan India telah terjalin sejak kebangkitan era Kristian. Pasa fasa pertama, orang India dikatakan mengadakan hubungan dengan Tanah Melayu demi kepentingan ekonomi dan perdagangan. Seterusnya, pada fasa kedua perdagangan merupakan faktor yang menarik masyarakat India sekali lagi ke Tanah Melayu. Kedatangan kumpulan kedua masyarakat Tamil dari India ke Tanah Melayu berlaku pada zaman keagungan Kesultanan Melayu Melaka. Sebahagian daripada peniaga-peniaga India yang datang beramai-ramai ke Melaka ialah orang-orang Tamil berketurunan India.

Centuries before the Europeans set foot in South and South East Asia, Indians had established trading settlements in Malaya.
(Netaji Centre, 1992, p.222)





Pengaruh pedagang India, iaitu Tamil Hindu dan Tamil Muslim amat jelas dalam sejarah Melaka. Mereka menjual sutera, manik dan batu permata di Melaka serta berkahwin dengan wanita Melayu tempatan. Kewujudan masyarakat Tamil Muslim dan masyarakat Melaka Ceti membuktikan kedatangan orang-orang Tamil sebagai kumpulan pedagang ke Tanah Melayu pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Rabindra Daniel, J. (1978) menjelaskan bahawa pembukaan Pulau Pinang oleh Sir Francis Light pada tahun 1786 membuka peluang lagi kepada kaum India berhijrah ke Malaya. Kedatangan mereka kali ini adalah sebagai buruh dalam sektor perladangngan.



The Indians appeared again with the coming of the British to Malaya from 1786.....The majority of the Indians in the modern period came to Malaya to serve in the labour force.

(Rabindra Daniel, 1992, p.42)

Penjajahan British di Tanah Melayu yang bermula dengan pembukaan Pulau Pinang pada 1786 telah berakhir pada 31.8.1957 telah memberi kesan yang berpanjangan kepada sistem ekonomi dan sosial masyarakat ladang ini.

Menurut Janaky Raman Manickam (2011), penghijrahan masyarakat India bermula pada akhir abad ke-18, iaitu semasa kuasa Barat mula bertapak di India. Pada mulanya, pengijrahan orang-orang India ke Tanah Melayu adalah bersifat sementara sahaja. Mereka datang bekerja di kawasan terpencil dan di kawasan pedalaman yang baharu dibuka untuk menanam kopi dan tebu. Mereka datang ke Tanah Melayu untuk





mengumpulkan wang yang diperlukan dan ingin balik semula ke India. Menurut Sandhu, K.S. (1969) menjelang abad ke-18, terdapat lebih daripada 1000 orang buruh kaum India di Pulau Pinang. Angka ini terus meningkat pada 1819 dengan pembukaan Singapura. Sebelum ladang-ladang getah diusahakan secara besar-besaran, buruh-buruh India yang berhijrah ditempatkan di ladang-ladang tebu di seberang Perai, di utara Perak dan di ladang kopi di Selangor (Joginder Singh Jessy, 1975).

Menurut Joginder Singh Jessy (1975), pengenalan tanaman kopi telah meningkatkan permintaan terhadap buruh-buruh India. Dalam tempoh masa dari tahun 1880 hingga tahun 1900, sejumlah 20 ribu orang imigran India telah memasuki Tanah Melayu pada setiap tahun. Ketika berlaku kejatuhan harga kopi menjelang abad ke-20, ramai buruh India balik ke negara asal mereka (Azmah Abdul Manaf, 2001). Jumlah imigran bertambah dua kali ganda selepas getah diperkenalkan di Tanah Melayu antara tahun 1900 dan 1910. Kedatangan buruh-buruh India ke Tanah Melayu berlaku pada peringkat awal kerana Negeri-negeri Selat adalah di bawah naungan kerajaan India yang diperintah oleh pihak British (Joginder Singh Jessy, 1975).

Bagaimanapun, revolusi perindustrian dan perkembangan perusahaan getah mendorong kerajaan Inggeris mengatur pelbagai langkah bagi merekrut buruh-buruh India supaya datang bekerja di ladang-ladang getah di Tanah Melayu. Menurut Azmah Abdul Manaf (2001), sehingga tahun 1906, lebih kurang 95,000 buruh India telah dibawa masuk ke Tanah Melayu. Seterusnya, pada tahun 1910 pula, sejumlah 83,723 orang buruh telah tiba di Pulau Pinang (Joginder Singh Jessy, 1975). Menurut sumber Parmer (1960), anggaran peratus buruh India di ladang negeri-negeri Melayu pada





tahun 1907 ialah 75.5 peratus. Bilangan ini telah meningkat kepada 80.4 peratus pada tahun 1938.

Large scale Indians immigration till the 1930s has been usually associated with indentured labour, brought in by the shipload for the sugar and rubber plantations. They cleared jungles, built roads, bridges and railway tracks.

(Netaji Centre, 1992, p. 222-223)

Penghijrahan pekerja-pekerja India secara besar-besaran ke Tanah Melayu bermula serentak dengan permulaan kegiatan penanaman getah secara meluas pada tahun 1890-an (Hairi Abdullah, 1984).

Dasar pemerintahan British serta sistem kapitalisme yang diamalkan oleh pihak British mengundang satu fenomena yang cukup mencabar kepada Malaysia dan Sri Lanka kerana kedua-dua negara ini mula dibanjiri oleh ramai imigran India. Kebanjiran pekerja-pekerja ladang secara meluas bermula serentak dengan pembukaan ladang teh sejak 1880-an (Sivachandran, 1987). Kekurangan tenaga buruh tempatan berlaku kerana penduduk asal tidak bersedia bekerja di ladang-ladang di Tanah Melayu mahupun di Sri Lanka lalu terpaksa membawa masuk tenaga buruh dari India.

Selepas kemerdekaan Sri Lanka, masyarakat Tamil yang dibawa dari India oleh penjajah British sebagai buruh imigran dihantar balik ke negara asal berikutan akta yang diluluskan di Parlimen di situ pada tahun 1948. Menjelang itu, segolongan besar buruh India, sama ada yang dilahirkan di Sri Lanka ataupun menetap di negara itu turut menerima nasib yang sama. Masyarakat imigran yang menetap di ladang-ladang adalah berbeza daripada penduduk berketurunan Tamil asal yang telah menetap di Sri Lanka sejak sebelum tahun masehi lagi.



Kesempitan hidup dan penindasan tuan tanah terhadap petani miskin telah memaksa kaum India keluar beramai-ramai mencari kehidupan baharu di tanah jajahan naungan Inggeris. Sebahagian besar pekerja ladang ini terdiri daripada petani-petani miskin yang dibawa masuk dari India Selatan (Hairi Abdullah, 1984). Kemiskinan serta pengangguran menjadi faktor yang mendorong penghijrahan masyarakat Tamil keturunan India ke wilayah baharu, terutamanya ke Sri Lanka dan Tanah Melayu. Kemarau dan bencana alam yang sering berlaku telah menyebabkan kebuluran di India pada pertengahan abad ke-19. Tambahan pula, faktor penindasan tuan tanah terhadap masyarakat miskin turut mempengaruhi penghijraahn buruh India ke negara lain (Arunasalam, 1994).

Ketidakadilan dalam sistem sosial masyarakat dan penindasan tuan punya tanah di India serta keperluan buruh kontrak untuk mengerjakan rancangan-rancangan ekonomi British di tanah jajahan adalah antara faktor yang menyebabkan penghijrahan masyarakat India ke Tanah Melayu dan Sri Lanka (Arunasalam, 1994). Satu lagi faktor utama dalam memaksa pihak British menggalakkan penghijrahan imigran India adalah berhubung dengan penghapusan hamba abdi dalam empayar British (Joginder Singh Jessy, 1975).

Jadual 1.1

Masyarakat India Keturunan Tamil di Malaysia dan di Sri Lanka, 1871-1981

(angka dalam ribu / ,000)

	1871	1881	1891	1901	1911	1921	1931	1946
Malaysia	27,5	36,3	62,7	98,0	220,4	387,5	514,8	461,0
Sri Lanka	203,3	320,2	313,3	497,9	563,8	635,7	854,8	816,2

Sumber: Christophe Z Guilmoto, 1993.



Menurut Christophe Z Guilmoto (1993), penghijrahan atau migrasi orang-orang India adalah yang ketiga terbesar selepas orang-orang British dan China. Lebih daripada 1.5 juta etnik Tamil dari selatan India telah dihantar ke negara-negara tanah jajahan semenjak tahun 1831. Menurut Jomo, K.S. (1988), jumlah pendatang India yang masuk ke Semenanjung Malaysia antara tahun 1860 hingga 1957 telah dianggarkan sebanyak 4 juta orang (Jomo, K.S., 1988).

1.2.1 Masyarakat Imigran India di Malaysia

Menurut Winsted (1961) dalam bukunya *The History of Malaya*, pada awalnya, orang Tamil dari India yang berasal daripada satu tamadun yang teragung telah mula bergerak ke wilayah-wilayah seperti Kedah, Melaka dan Srivijaya sebagai kumpulan penakluk negeri dan pedagang. Sumber sejarah membuktikan bahawa orang-orang India mula menetap di Tanah Melayu sejak abad pertama lagi. Pada masa itu, mereka datang untuk menawan beberapa wilayah di Asia Tenggara dan juga menjalankan perdagangan di rantau ini. Semasa pemerintahan Portugis dan Belanda di Melaka, penglibatan orang India telah mula merosot dan hilang terus kerana perdagangan di kawasan ini dikawal oleh pihak Barat.

Pada abad ke-18, perhubungan di antara Tanah Melayu dengan India telah pulih semula. Kedatangan imigran India ke Tanah Melayu semasa pemerintahan British adalah berlainan daripada imigran yang datang sebelum itu. Zaman penghijrahan imigran India secara beramai-ramai telah bermula di Negeri-negeri Selat (NNS) sejak





Pulau Pinang diduduki oleh Inggeris pada tahun 1786. Seterusnya, pihak British telah mula membawa masuk orang India ke Pulau Pinang untuk merealisasikan kepentingan ekonomi mereka. Menjelang akhir kurun ke-18, terdapat seribu orang kuli (*coolie*) di Pulau Pinang dan bilangan mereka meningkat menjelang tahun 1825 (Sandhu, K.S., 1993).

Revolusi perindustrian di Britain telah membawa kepada pengeksploitanian koloni-koloni British untuk mendapatkan sumber asli untuk meningkatkan pengeluaran di England. Oleh itu, pihak British mendapati Malaya sebagai kawasan yang sangat strategik untuk mencapai tujuan ekonomi mereka. Lantas, pihak British membawa masuk tenaga buruh India, terutamanya orang Tamil yang murah dan mudah diuruskan. Getah telah mula ditanam secara komersial di Tanah Melayu di ladang-ladang. Pengambilan buruh-buruh India adalah sejajar dengan minat pihak Inggeris dalam bidang pertanian (Arasaratnam, S., 1979)

Penjajahan British di Tanah Melayu dan di Sri Lanka sejak abad ke-18 menjadi lebih kukuh dengan pembukaan ladang-ladang teh, kopi dan getah secara besar-besaran. Hal ini telah memberi kesan yang berpanjangan kepada sistem ekonomi dan sosial kehidupan masyarakat ladang. Penghijrahan masyarakat India bermula pada akhir abad ke-18, iaitu semasa kuasa Barat mula bertapak di India. Pada mulanya, penghijrahan orang-orang India ke Tanah Melayu adalah bersifat sementara sahaja. Mereka datang bekerja di kawasan terpencil dan di kawasan pedalaman yang baharu dibuka untuk menanam kopi dan tebu. Jelaslah bahawa orang-orang India datang ke





Malaysia dan Sri Lanka atas dorongan kerajaan British. Oleh itu, mereka bergantung kepada kerajaan koloni British untuk segala-galanya (Janaky Raman Manickam, 2007).

Masyarakat imigran datang ke Tanah Melayu untuk mengumpulkan wang lalu ingin kembali semula ke negara asal mereka. Sementara itu, jumlah imigran bertambah dua kali ganda selepas getah diperkenalkan sebagai tanaman utama antara tahun 1900-an hingga 1910. Selain itu, revolusi perindustrian dan perkembangan pesat perusahaan getah memaksa kerajaan Inggeris mengatur pelbagai langkah lagi untuk merekrut buruh-buruh India supaya datang bekerja di ladang-ladang getah di Tanah Melayu. Buruh-buruh yang sedia ada terus ditempatkan di ladang-ladang tebu, kopi dan getah yang terletak di kawasan pedalaman (Jomo, K.S., 1988).



memperlihatkan penubuhan atau pembentukan ladang secara besar-besaran serta pengimportan buruh dari selatan India (Ramasamy, P., 1991). Demi kepentingan ekonomi pemilik modal dagangan, pemerintah kolonial berusaha sedaya upaya untuk mengasaskan sebuah entiti kapitalisme di negara-negara tanah jajahan di rantau ini. Beberapa dasar telah digubal untuk memastikan usaha ini berjaya (Rosliha Muhammad, 2000).

Menurut Lim Chong Yah (1967), pihak Eropah memilih *Indian Coolies* (pekerja Tamil) kerana mendapati masyarakat di selatan India yang merupakan rakyat mereka sudah biasa dengan sistem pemerintahan British. Selain itu, mereka merupakan pekerja yang rajin, tidak terlalu bercita-cita tinggi dan senang pula dikawal.





Mereka mudah menerima sebarang keadaan, biar dibayar upah yang rendah sekalipun dalam keadaan regimental di ladang-ladang (Wan Azmi Ramli, 1992).

Pada tahun 1887, Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Frederick Weld menyatakan bahawa orang India ialah orang yang aman dan tenteram serta suatu bangsa yang mudah dijajah (Wan Azmi Ramli, 1992). Segala ciri ini menjadikan buruh-buruh India dari Madras sangat sesuai dan paling diingini sebagai buruh oleh pihak pengusaha ladang di Malaysia dan di Sri Lanka. Menurut Zainal Abidin Abdul Wahid (1996), pada tahun 1931, terdapat sebanyak 621 000 orang India di Tanah Melayu. Daripada jumlah ini hampir 90 peratus ialah orang India dari daerah Madras dan hampir semuanya menjadi buruh di ladang.



membawa dasar-dasar baharu dalam politik dan ekonomi sejak pertengahan abad ke-19 mengundang pelbagai masalah yang banyak membawa kesan buruk atau kesan negatif kepada penduduk India (Azmah Abdul Manaf, 2001). Dasar pemerintahan British di India sering menggugat kesejahteraan masyarakat di India. Kaum petani di situ merana akibat kemiskinan dan kebuluran berikutan kemarau yang berpanjangan bertahun-tahun dan cukai tanah yang tinggi yang dikenakan. Selain itu, negara England sebagai sebuah negara perusahaan telah memerlukan pasaran bagi barang perusahaannya seperti kapas dan kain. Oleh itu, pihak British menindas perusahaan menunun kain dan pertukangan tangan yang merupakan perusahaan utama di India. Ramai ditindas dan diberhentikan kerja (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1996).





Sebenarnya, gabungan faktor-faktor tersebut telah mendorong penghijrahan beramai-ramai berlaku di India. Dalam konteks ini, kaum imigran India telah dipergunakan oleh pihak penjajah demi kepentingan ekonomi British dan dianggap sebagai satu tindakan berbaur politik British terhadap penduduk India. Justeru, pihak British yang ingin berkuasa sepenuhnya di rantau ini untuk menikmati monopoli perdagangan dengan menghalang kuasa-kuasa lain telah menukarkan dasar mereka kepada campur tangan, iaitu 'imperialisme ekonomi' di rantau ini (Joginder Singh Jessy, 1975).

Berikutan ini, ramai orang Eropah mula membuka ladang-ladang teh, kopi dan getah di Malaysia dan di Sri Lanka. Pembukaan banyak lagi ladang mengundang lebih banyak buruh India ke tanah jajahan. Mengikut pihak Inggeris, Selatan India merupakan tempat yang paling sesuai mencari tenaga buruh kerana masyarakat di wilayah itu sudah biasa dengan pemerintahan British. Selain itu, masyarakat Tamil di situ tidak cita-cita tinggi dan senang dikawal (Wan Azmi Ramli, 1992).

Pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, buruh imigran India berhijrah ke Tanah Melayu, Sri Lanka dan ke negara-negara lain dengan tiga cara, iaitu sistem kontrak, sistem *kangani* dan mudah bebas atau merdeka (Selvakumaran Ramachandran, 1994). Pada dasarnya, kumpulan imigran ini dibawa ke negara-negara tanah jajahan seperti Sri Lanka, Tanah Melayu dan Burma untuk memajukan sektor perladangan di bawah sistem perjanjian kontrak (*Indenture system*) dan sistem *kangani*. Berikut ialah jumlah buruh imigran Tamil dari India yang berhijrah ke Sri Lanka, Malaysia dan Burma.



Jadual 1.2

Penghijrahan Masyarakat Imigran Tamil ke Sri Lanka, Malaysia dan Burma, 1871 – 1946

(Dalam ribu/ 000)								
Negara	1871	1881	1891	1901	1911	1921	1931	1946
Sri Lanka	2,033	3,202	3,133	4,979	5,628	6,357	8,548	8,162
Malaysia	275	363	627	980	2,204	3,875	5,148	4,610
Burma	-	351	714	996	1,257	1,523	1,841	900
Jumlah	2,308	3,916	4,474	6,955	9,099	11,755	15,537	13,672

Sumber: Christoph Z Guilmoto: Economic and Political Weekly, Januari 1993.

Jadual 1.2 jelas menunjukkan pertambahan penduduk imigran Tamil di ketiga-tiga negara sejak tahun 1871 hingga 1946. Pertambahan imigran Tamil di ketiga-tiga negara ini, terutama di Malaysia dan di Sri Lanka ini, adalah disebabkan pengrekrutan buruh di bawah sistem kontrak dan *kangani* serta perkembangan sektor perladangan di negara-negara tersebut (Ganesan Shanmugavelu, 2015). Sehubungan itu, pengrekrutan pekerja di bawah sistem *kangani* telah membuka lembaran baharu dalam kitaran migrasi Tamil di Malaysia dan di Sri Lanka. Hal ini kerana di bawah sistem *kangani* ini buruh-buruh direkrut oleh *kangani* dari kampungnya sendiri di India lalu pekerja dilayan dengan lebih elok berbanding dengan sistem sebelum ini (Joginder Singh Jessy, 1975).

Sistem buruh kontrak merupakan kaedah pertama yang digunakan oleh pihak Inggeris yang melibatkan majikan secara langsung dalam urusan mencari buruh melalui wakilnya yang dihantar ke India. Sistem kontrak bermula pada awal abad ke-19 hingga dihapuskan pada tahun 1910. Buruh kontrak dianggap murah dan boleh



dipindahkan dari satu majikan kepada majikan lain dengan mudah (Azmah Abdul Manaf, 2001). Di bawah sistem kontrak ini, buruh imigran yang hendak berhijrah akan membuat perjanjian dengan bakal majikannya sebagai balasan kepada pendahuluan tambang kapal. Buruh-buruh di bawah sistem kontrak ini akan bekerja untuk suatu masa tertentu, iaitu antara satu hingga tiga tahun dengan kadar bayaran yang tetap, iaitu 9 hingga 13 sen sehari. Dalam sistem ini sering berlaku pemerasan dan penindasan terhadap buruh-buruh berkenaan (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1996). Jayaseelan Raj menyifatkan sistem kontrak ini lebih mirip kepada sistem hamba abdi.

The indenture labour system, a soft version of slavery was an integral element to the establishment of colonial plantations, particularly in the Caribbean Islands, Southeast Asia, South Asia and Southern Africa. The indenture labour system was jointly financed by the planters and the colonial government to replace the Africa Slave system after the abolition of slavery in the British Empire in 1833 and in the French colonies in 1848.

(Jayaseelan Raj, 2010, p.11)

Sistem kontrak ini mempunyai ciri-ciri atau bermiripkan sistem hamba abdi yang selama ini diamalkan oleh orang kapitalis Eropah. Oleh sebab terdapat banyak penindasan dan kelemahan dalam sistem kontrak ini, sistem ini digantikan dengan sistem *kangani* pada tahun 1910. *Kangani* ialah ketua, *tandil* atau mandor yang dipercayai oleh majikan. Beliau bekerja sebagai penyelia pekerja di ladang. *Kangani* bertindak sebagai wakil majikan yang diberi kuasa untuk merekrut buruh dari India. Menurut Jayaseelan Raj:

In kangani system, workers were recruited to the plantation through agents called Kangani which means overseers. As the name suggests, these local recruiters often worked as





overseers (supervisors) in the plantation. These kankanies were usually the indigenous elites belong to the same or right above the caste of the workes.

(Jayaseelan Raj, 2010, p.13)

Buruh yang dibawa masuk melalui sistem *kangani* ini membuat perjanjian lisan dengan majikan atau kangani berkenaan untuk bekerja untuk tempoh masa tertentu sehingga hutang tambang dan sebagainya selesai dibayar (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1996).

Sejak sistem *kangani* diperkenalkan, ramai orang Tamil dari India mula membanjiri ladang-ladang di Tanah Melayu. Malahan, British juga lebih bercenderung untuk menggunakan buruh-buruh dari India Selatan untuk bekerja di Tanah Melayu kerana pegawai-pegawai kerajaan dan majikan mereka dari Ceylon juga mudah berurusan dengan orang-orang Tamil memandangkan mereka berkebolehan bertutur dalam bahasa Tamil (Sandhu, K.S., 1969). Hal ini kerana masyarakat dari Ceylon (Sri Lanka) dijadikan pegawai kesihatan dan penyelia ladang untuk mengawal dan menyelia pekerja imigran di Tanah Melayu. Menurut Azmah Abdul Manaf (2001), kebanyakan pegawai dari Ceylon terdiri daripada kaum Sinhalese dan Tamil Jafna.

Menurut Azmah Abdul Manaf (2001), cara pengambilan buruh-buruh India adalah agak bersistematik. Sistem kontrak dan sistem *kangani* digunakan untuk menarik masyarakat India bekerja di ladang-ladang. Walaupun jumlah imigran India memang ramai, namun bilangan orang yang menetap adalah agak kurang berbanding dengan imigran Cina. Hal ini kerana pihak British menganggap kemasukan buruh India





hanya untuk buat sementara sahaja dan penempatan kekal tidak digalakkan (Jomo, K.S., 1988).

Walau bagaimanapun, senario politik yang berlaku pada tahun 1948 telah membawa perubahan dalam kehidupan imigran India di Tanah Melayu. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu (PPTM) telah ditandatangani antara Raja-raja Melayu dengan British pada 21 Januari 1948 selepas pelbagai cadangan, penentangan dan rundingan. Perjanjian ini membuka suatu lembaran baharu dalam kehidupan masyarakat India di negara ini. Melalui perjanjian ini, kerakyatan secara *jus soli* telah diberi kepada imigran yang dilahirkan di Tanah Melayu (Ramlah Adam, 2013).

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ini memperuntukkan dua cara bagi seseorang menjadi warganegara, iaitu melalui kuatkuasa undang-undang dan permohonan. Melalui kuatkuasa undang-undang (Fasal 124), seseorang layak mendapat kerakyatan berdasarkan syarat-syarat berikut:

- (a) Rakyat kepada Sultan di sebarang negeri.
- (b) Rakyat British yang dilahirkan di Negeri-negeri Selat selepas atau sebelum hari kuatkuasa undang-undang dan menetap di salah satu daerah yang akan masuk Persekutuan.
- (c) Rakyat British yang dilahirkan sebelum atau selepas hari kuatkuasa undang-undang yang bapanya, sama ada
 - (i) dilahirkan di salah satu daerah yang akan masuk ke Persekutuan; atau





- (ii) selepas atau semasa tarikh lahirnya, seseorang menjadi rakyat British atau akan menjadi rakyat British dan menetap di salah satu daerah yang akan masuk persekutuan
- (d) Sesiapa yang dilahirkan sebelum atau selepas hari dikuatkuasakan undang-undang di salah satu daerah yang akan masuk Persekutuan serta boleh bercakap bahasa Melayu dan mengamalkan adat resam Melayu
- (e) Sesiapa yang dilahirkan sebelum atau selepas hari dikuatkuasakan undang-undang dan ibu bapanya telah dilahirkan di salah satu daerah di dalam Persekutuan dan telah bermastautin selama 15 tahun di situ
- (f) Bapa kepada orang berkenaan ialah warganegara Persekutuan

Melalui cara kedua pula,

- (a) Sesiapa yang dilahirkan di mana-mana daerah Persekutuan Tanah Melayu dan telah bermastautin di sini selama 8 daripada 12 tahun sebelum tarikh permohonan atau telah bermastautin di Persekutuan sekurang-kurangnya 15 tahun daripada 20 tahun terdahulu daripada tarikh permohonan.
- (b) Berkelakuan baik
- (c) Mengetahui Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris
- (d) Mengisytiharkan akan tinggal tetap di dalam Persekutuan Tanah Melayu





- (e) Jika permohonan diterima, orang itu mesti mengangkat sumpah taat setia

Sumber: Perlembagaan Persekutuan
Kewarganegaraan (Perkara 14-31)

Syarat-syarat kewarganegaraan tersebut dalam PPTM adalah lebih ketat berbanding dengan Malayan Union. Namun, PPTM telah membuka peluang kepada masyarakat imigran mendapat kerakyatan di negara ini. Selepas itu, masyarakat imigran India secara berperingkat-peringkat boleh menjadi warganegara di Tanah Melayu jika mereka ingin terus hidup kekal di Tanah Melayu. Aspek penting dalam perlembagaan tahun 1948 ialah pemberian kewarganegaraan atau kerakyatan kepada kaum imigran. Perlembagaan ini dikatakan bertujuan untuk mewujudkan satu kewarganegaraan bersama untuk semua orang yang menganggap Persekutuan Tanah Melayu sebagai negara mereka (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1996).

Kini, masyarakat India yang bekerja di ladang telah menjadi warganegara negara ini. Sebagai warganegara Malaysia, orang India telah mula menganggap Malaysia sebagai tanah air mereka. Sehubungan dengan ini, kira-kira 85 peratus daripada kaum India sekarang di Malaysia ialah keturunan buruh kontrak (*indentured labour*) yang dibawa oleh British untuk bekerja di ladang getah pada abad ke-19 (Vijay Joshi dari Associated Press, March 6, 2008).

Walaupun masyarakat India terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik seperti Tamil, Telugu, Malayalee, Sikh dan suku kaum lain, namun bahasa Tamil menjadi bahasa utama dan bahasa komunikasi dalam kalangan kaum India di negara ini.





Seterusnya, Laporan Razak 1956 telah melakukan satu tindakan yang paling baik dan munasabah terhadap bahasa Tamil dan pendidikan Tamil. Penyata tersebut telah memberikan pengiktirafan kepada pendidikan Tamil di negara ini dengan meletakkan SJKT dalam sistem pendidikan kebangsaan (Anbalakan, K., 2008). Peluang mempelajari bahasa Tamil di peringkat dari sekolah rendah ke menengah dan institusi pengajian tinggi awam disediakan. Oleh itu, perkembangan pendidikan bahasa Tamil secara tidak langsung telah menyumbang kepada perkembangan kesusasteraan Tamil di negara ini.

Golongan pengkarya berpendidikan Tamil menggarapkan isu-isu sosioekonomi dan kedaifan masyarakat ladang dalam karya sastera mereka. Hasil karya sastera Tamil berupa novel, cerpen, puisi dan sajak moden mendapat perhatian dan pengiktirafan dunia luar termasuk di Tamil Nadu, India dan Sri Lanka. Penulis-penulis Tamil tempatan telah memperlihatkan pelbagai tema dan persoalan termasuk permasalahan masyarakat ladang dalam karya mereka. Perkembangan pendidikan Tamil telah membawa kesan besar dalam membangkitkan kesedaran dan pemikiran dalam kalangan masyarakat ladang di Malaysia.

1.2.2 Masyarakat Imigran India di Sri Lanka

Sementara itu, penghijrahan masyarakat India ke Sri Lanka agak unik sedikit berbanding dengan Malaysia. Hal ini kerana, Sri Lanka (dikenali sebagai Ceylon sebelum tahun 1972) ialah sebuah negara pulau di Asia Selatan. Pulau ini terletak kira-





kira 31 km dari pantai selatan India. Oleh esbab lokasinya terletak di tengah-tengah laluan utama laut, Sri Lanka menjadi penghubung laut yang strategik di antara Asia Barat dengan Asia Tenggara dan merupakan sebuah pusat agama dan kebudayaan Buddha. Sri Lanka pernah diperintah oleh beberapa pemerintahan beraja tempatan berbangsa Sinhala dan golongan beraja Tamil serumpun India di samping Portugis, Belanda dan Inggeris (Murugar Kunasingam, 2008).

Pada tahun 237 SM sesudah perang Kalinga, kerajaan Sinhala mempunyai pengaruh yang luas dengan adanya perguruan tinggi Buddha Mahevihare. Ramai penganut dari Burma, Thailand, Indochina, China dan Nusantara datang ke Sri Lanka. Dalam keadaan ini, bangsa Dravida yang berbahasa Tamil dari India telah mula berhijrah ke Sri Lanka pada sekitar 200 SM, lalu mereka tetap mempertahankan tradisi dan budaya Hindu di Sri Lanka. Aliran golongan ini dianggap sebagai penghijrahan pertama orang India ke Sri Lanka. Orang Tamil dari India yang berhijrah untuk mengembangkan agama Hindu ke Sri Lanka telah menguasai bahagian utara Sri Lanka sehingga Anuradhapura. Mereka mengembangkan kuasa politik, agama Hindu, budaya dan peradaban Tamil sambil mempertahankan tradisi lama dan menjalin hubungan dagangan dengan India. Pada ketika itu, kaum Sinhala yang terdesak telah berpindah ke wilayah selatan Sri Lanka. Pada akhirnya, mereka telah mendirikan kerajaan di Polomaruwa dan mula bersaing dengan bangsa Tamil (Murugar Kunasingam, 2008).

Orang Sinhala mula menghimpunkan kekuatan untuk merebut kekuasaan daripada bangsa Tamil dan akhirnya telah dapat berjaya mengembalikan peradaban agama Buddha di Sri Lanka. Mereka telah membangunkan pagoda dan istana di bawah





pimpinan Parakramabahu. Usaha ini telah membantu orang Sinhala menguasai keseluruhan Sri Lanka. Selain itu, mereka juga dapat menyekat hubungan orang-orang Tamil Sri Lanka dengan orang-orang Tamil di India (Murugar Kunasingam, 2008).

Sementara itu, bangsa Tamil juga tidak dapat menerima kekalahan ini. Oleh itu, selepas kematian Parakrambahu, bangsa Tamil telah menyerbu pusat pemerintahan Sinhala untuk mengambil alih kekuasaan dan mengusir orang Sinhala ke kawasan pergunungan di wilayah tengah Sri Lanka. Selepas itu, bangsa Tamil membangunkan pusat pemerintahan yang baharu di Kandy. Semenjak abad ke-12, terdapat beberapa pemerintahan kecil yang berkuasa di kawasan orang Tamil di Sri Lanka seperti di Anuradhapura, Polomaruwa dan Jafna. Namun, serangan sesama antara mereka telah masih berterusan lalu kerajaan-kerajaan tersebut telah terus hilang kecuali kerajaan Jafna (Kunasingam, 2008). Kerajaan Jafna dengan ibu kotanya di Nallur merupakan satu-satunya kerajaan yang terkenal dan mempunyai hubungan dengan tanah besar India dari segi bahasa, budaya dan agama (Murugar Kunasingam, 2008). Selain itu, hubungan antara wilayah Tamil Jafna dengan wilayah Tamil di India sentiasa berada dalam keadaan baik selama turun-temurun. Hubungan Sri Lanka dengan India seperti yang dipaparkan dalam epik Ramayana mempunyai ikatan yang kuat dari segi agama dan budaya.

Pada abad ke-16, pihak Eropah yang mula menguasai bumi Sri Lanka, telah merampas dan menawan wilayah-wilayah kecil itu daripada orang Tamil sehinggakan bangsa Tamil hilang kuasa di bumi Sri Lanka (Murugar Kunasingam, 2008). Berdasarkan catatan-catatan batu bersurat, para pengkaji sejarah menetapkan bahawa





zaman pemerintahan bangsa Tamil di Sri Lanka bermula sebelum masehi abad 4 atau 5 lagi. Menurut Kadikasalam (2001) dan Sivagami (2001), pada abad ke-13 lagi, masyarakat Tamil Sri Lanka mempunyai kerajaan tersendiri di wilayah Jafna dan kerajaan itu ditawan oleh Portugis pada 1519 (Kadikasalam, 2001).

Walaupun bagaimanapun, kerajaan British telah mula menapak beransur-ansur di Sri Lanka pada tahun 1796. Di bawah Konvensyen London yang ditandatangani pada tahun 1814, pemerintah British di India telah menyerahkan Sri Lanka yang ketika itu berada di bawah naungan mereka bagi pihak Belanda kepada pihak Inggeris. Selanjutnya, bermula pada tahun 1833, keseluruhan wilayah Sri Lanka telah dikuasai oleh British. Pemerintahan British kekal sehingga negara Sri Lanka mencapai kemerdekaan pada tahun 1948. Semenjak pihak British menguasai Sri Lanka, imigran India telah mula berhijrah ke ladang-ladang teh dan kopi secara beramai-ramai. Orang India yang telah berhijrah sebagai kuli ke ladang-ladang teh dalam keadaan sehelai sepinggang berbekalkan tenaga kasar telah banyak memberi sumbangan kepada penjajah British dalam perkembangan sektor perladangan dan perusahaan teh di Sri Lanka.

Walaupun terdapat catatan mengatakan bahawa penghijrahan imigran Tamil ke Sri Lanka telah bermula tahun 1830-an, namun perpindahan secara beramai-ramai hanya berlaku selepas penanaman teh berlaku secara besar-besaran pada tahun 1890-an (Sinnathamby, M., 2015). Penghijrahan ini berlaku apabila orang tempatan, terutamanya orang-orang Sinhala tidak berminat bekerja sebagai buruh di ladang-ladang kopi dan teh. Menurut Anton Piyarathne (2017),





The estate Tamil community was a new group added to Sri Lankan population by the British colonizers. When Sinhala locals did not like to serve as wage labourer in the coffee, tea dan rubber cultivations they were brought to cater to the high labour demand.

(Anton Piyyarathne , 2017, p.4)

Kumpulan etnik Sinhala yang pada masa ini merupakan penduduk terbesar berbanding dengan kelompok etnik lain di Sri Lanka. Orang-orang Tamil Ceylon atau lebih dikenali sebagai *Jaffna Tamils* merupakan kelompok etnik kedua terbesar diikuti oleh kaum Moor dan Tamil India di negara itu. Bangsa Eropah yang pertama kali datang ke pulau ini ialah bangsa Portugis pada tahun 1505. Mereka berkuasa sehingga tahun 1658. Selepas itu, Belanda pula berjaya menaklukinya pada tahun 1658 sampai tahun 1796. Kemudian, Inggeris mula berkuasa dan mengambil alih kekuasaan daripada Belanda. Pihak Inggeris telah memrintah Sri Lanka sehingga tahun 1947 (Murugar Kunasingam, 2008).

Masyarakat Tamil di Sri Lanka terdiri daripada dua kumpulan yang besar, iaitu *Indian Origin Tamils (IOT)* dan *Sri Lanka Tamils*. Pertamanya ialah masyarakat Tamil asal Sri Lanka yang lebih dikenali Tamil Ceylon atau *Jaffna Tamils*. Masyarakat Tamil Ceylon ini dikatakan mula menetap di Sri Lanka antara awal sebelum Masihi sehingga abad ke-12. Masyarakat Tamil Ceylon ini tertumpu di Utara Sri Lanka, terutamanya di Jafna dan di Wilayah Timur serta di Colombo. Masyarakat Tamil asal Sri Lanka ini mempunyai sejarah tersendiri dan mereka dianggap antara etnik yang awal di bumi Sri Lanka. Menurut Murugar Kunasingam (2008), etnik Tamil Ceylon sejak turun-temurun menjadi bangsa yang bertamadun di bumi Sri Lanka. Mereka tidak mengaitkan diri mereka dengan orang Tamil di India (Suryanarayan, 2017).





Kumpulan kedua ialah masyarakat Tamil dari India yang menjadi masyarakat diaspora atau imigran di bumi Sri Lanka. Mereka digelar sebagai masyarakat Tamil *Malayagam*. Pada awalnya, masyarakat imigran ini dibawa masuk kerana tenaga mereka sangat diperlukan dalam sektor perladangan kopi, teh dan getah. Menurut Christophe Z Guilmoto (1993), kumpulan imigran yang pertama dari India sampai di Sri Lanka sejak tahun 1820 untuk bekerja secara sambilan di kebun-kebun kopi. Bilangan imigran ini semakin bertambah pada dekad-dekad yang berikutnya. Selepas penanaman teh berlaku secara besar-besaran, penghijrahan imigran India secara beramai-ramai telah berlaku menjelang tahun 1890-an (Sinnathamby, M., 2015). Semenjak 1820-an sehingga 1948, masyarakat imigran India ini melibatkan diri dalam perkembangan dan pembangunan sektor perladangan di Sri Lanka. Namun, setelah mencapai kemerdekaan, jasa bakti masyarakat India dilupakan oleh pemerintah kerajaan baharu di Sri Lanka.

Pada 19.8.1948, Parlimen baharu Sri Lanka meluluskan akta kewarganegaraan untuk kaum minoriti. Menurut akta ini, masyarakat Tamil India dilucutkan kerakyatan dan dikategorikan sebagai etnik tanpa negara oleh kerajaan Sri Lanka. Dalam tempoh masa 150 tahun sejak menapak di Sri Lanka, etnik Tamil India telah menetap di kawasan tengah pergunungan dan berkembang menjadi sebahagian besar daripada pekerja ladang di negara Sri Lanka. Namun, kerajaan pimpinan Parti Bersatu Kebangsaan (UNP) telah melucutkan hak kerakyatan orang India yang bekerja di sektor perladangan hampir empat generasi. Ratnarajan Hoole menyifatkan kejadian ini sebagai:





The Up-Country Tamils were recruited from overseas, kept deprived, submissive, segregated and with virtually no mobility, whether spatial or socio- economic. But they enjoyed voting rights and de facto citizenship. Within months of Independence, nearly all of them lost citizenship and voting rights.

(Ratnarajan Hoole, 2017, p.15)

Dasar ini membawa tragedi besar kepada masyarakat ladang. Mereka menjadi kuli kontrak semula di ladang-ladang yang dibangunkan oleh mereka selama 150 tahun itu. Sehubungan itu, masyarakat ladang yang hilang kerakyatan dan menjadi masyarakat yang tidak bernegara, diberi pilihan untuk terus bekerja di ladang-ladang teh di Sri Lanka tanpa hak dalam perkara-perkara tertentu sehingga suatu masa atau rela dihantar pulang ke India (Ambalavanar, 1992 & Sinnathamby, M., 2015).



Menurut Ambalavanar (1992), di bawah perjanjian antara Sri Lanka dengan kerajaan India pada tahun 1964, kira-kira 40 peratus daripada masyarakat Tamil India ini telah dijanji akan diberikan kewarganegaraan Sri Lanka. Bakinya akan dihantar pulang ke India secara berperingkat-peringkat. Pada permulaan perjanjian, seramai 400 ribu orang dihantar pulang ke India. Mereka yang pulang ke India telah mengalami pelbagai dugaan. Keadaan hidup mereka menjadi semakin buruk di negara asal mereka (Ambalavanar, 1992). Oleh itu, ramai pekerja ladang yang tinggal di *Malayagam* Sri Lanka selepas menyedari hakikat ini, tidak mahu pulang ke India dan mereka ingin menetap di Sri Lanka tanpa status kewarganegaraan (Ambalavanar, 1992).

Masyarakat Tamil keturunan India di Sri Lanka yang menetap di kawasan tengah pegunungan atau dikenali *Malayagam*, telah menggelar diri mereka sebagai *Malayaga Tamilar* atau masyarakat Tamil *Malayagam*. Mereka memainkan peranan





penting dalam sektor perladangan dan ekonomi Sri Lanka. Walaupun sebahagian besar masyarakat ladang ditindas dan dinafikan hak kewarganegaraan, namun mereka terus memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan sektor perladangan di Sri Lanka. Secara umumnya, layanan bagi anak tiri telah mencetuskan taraf hidup sosioekonomi yang lebih rendah berbanding dengan etnik lain di Sri Lanka (Duraishamy Kowsalya, 2014).

Sehubungan itu, walaupun masyarakat di ladang teh terus hidup dalam kehimpitan dan kemiskinan, penglibatan mereka dalam bidang penghasilan karya sastera adalah lebih tinggi nilainya. Para penulis dan pengarang yang prolifik dalam kalangan masyarakat ladang itu terus merakamkan pelbagai suka duka mereka dalam karya kreatif mereka. Hasil karya Tamil mereka melambangkan kehidupan sosioekonomi, sosio-politik dan budaya masyarakat diaspora di Sri Lanka. Justeru, hasil karya sastera Tamil penulis imigran India ini merupakan sebahagian daripada sumbangan penting dalam perkembangan kesusasteraan Tamil di Sri Lanka (Arunachalan, K., 2003).

Para penulis dan pengarang masyarakat diaspora Tamil India ini telah menghasilkan beberapa buah novel Tamil yang menggambarkan kehidupan sosioekonomi masyarakat ladang teh. Kebanyakan novel yang dikaji memaparkan gambaran tentang penindasan serta pengeksploitasian yang dilakukan oleh pihak majikan atas etnik Tamil ini di ladang-ladang teh. Menurut Srithar, S.Y. (2014), ramai para penyelidik serta penganalisis sosial dan politik yang mengkaji kehidupan kumpulan ini telah banyak menulis tentang masyarakat ladang teh ini, tetapi tidak ada





satu kajian yang terperinci mengenai kehidupan sosioekonomi masyarakat ladang sehingga kini (Srithar, S.Y., 2014)

Di Tanah Melayu dan di Sri Lanka, masyarakat ladang menjalani hidup secara pasif di ladang-ladang. Hal ini demikian kerana sejak lebih daripada satu abad, buruh India ini diletakkan di bawah pengawasan dan penjagaan *kangani* atau majikan di ladang-ladang secara tertutup. Kebajikan mereka dimanipulasi dan dieksploitasi oleh pihak majikan sejak itu lagi (Srithar, S.Y., 2014 & Janaky Raman Manickam, 2011). Tambahan pula, fikiran mereka dikongkong oleh suasana tempat bekerja, iaitu ladang sebagai tempat tertutup bagi masyarakat luar. Orang India di ladang-ladang menghadapi pelbagai masalah seperti kekurangan upah, masalah perumahan dan kesihatan serta kekangan dalam menikmati kemudahan asas seperti air, elektrik dan sebagainya. Sepanjang zaman kolonial, kehidupan orang India di ladang-ladang amat memedihkan mata dan memilukan hati (Janakey Raman, 2011 & Srithar, S.Y., 2014). Keadaan ini tetap berterusan selepas kemerdekaan di kedua-dua negara atas alasan ladang ialah entiti pihak swasta.

Sektor perladangan mengalami perubahan yang pesat di Malaysia dan di Sri Lanka. Suatu ketika dahulu, perusahaan getah di Malaysia dan perusahaan teh di Sri Lanka merupakan bahan eksport utama di kedua-dua buah negara. Namun, masih kedengaran bahawa bilangan rakyat termiskin yang ramai adalah dalam sektor perladangan. Masalah kemiskinan, ketaksamaan pendapatan, kekurangan kemudahan asas seperti pendidikan, kesihatan, perumahan dan sebagainya ialah situasi-situasi buruk yang masih berterusan di ladang-ladang (Janakey Raman Manickam, 2011 &





Srithar, S.Y., 2014). Oleh itu, keadaan hidup masyarakat ladang yang terpinggir dari segi ekonomi dan sosial di bawah kuasa penjajahan dan selepas kemerdekaan negara menjadi tema dan persoalan dalam karya- karya novel Tamil di kedua-dua negara ini.

Kajian ini merupakan satu penyelidikan yang komprehensif untuk memaparkan keadaan sosioekonomi masyarakat di ladang. Kajian ini akan membanding dan menganalisis kedudukan sosioekonomi masyarakat imigran ladang di Malaysia dan di Sri Lanka berdasarkan karya sastera novel yang dihasilkan oleh sepuluh orang pengarang dari kedua-dua negara ini. Oleh itu, analisis secara perbandingan isu-isu sosioekonomi ini penting untuk memahami masalah kemiskinan dan penderitaan hidup masyarakat imigran India semasa dan selepas penjajahan British di Malaysia dan di Sri Lanka.



Nove-novel Tamil yang berlatarbelakangkan ladang getah dan teh menjadi tatapan pengkaji kajian perbandingan ini. Novel-novel yang dipilih bagi kajian ini memaparkan kehidupan pekerja ladang getah di Malaysia dan ladang teh di Sri Lanka yang penuh dengan penindasan, penderitaan, perjuangan, pengorbanan, konflik diri dan masalah-masalah lain. Segala isu yang dipaparkan dalam karya-karya ini diperoleh para pengkarya berdasarkan persekitaran, pengalaman, pemerhatian atau pembacaan mereka. Mohamad Mokhtar Hassan (2005) pernah menyatakan bahawa karya sastera ialah rakaman imaginasi yang sarat dengan maklumat dan isian bersifat keintelektualan mahupun kerohanian.





Penelitian terhadap hasil kesusasteraan, terutamanya novel merupakan suatu usaha untuk mencerminkan gejala seperti masalah sosial, ekonomi dan politik yang mengancam kehidupan masyarakat. Genre sastera novel pada masa ini berjaya mempengaruhi pemikiran keseluruhan masyarakat berbanding dengan genre lain. Genre novel dalam kesusasteraan Tamil moden di Malaysia dan di Sri Lanka, terutamanya di *Malayagam*, adalah bercorak realistik yang dapat membicारा dan merakamkan isu-isu sebenar masyarakat diaspora di kedua-dua negara ini.

Dalam perkembangan sastera Tamil, hasil karya novel sentiasa berperanan penting dalam mencerminkan kehidupan dan peradaban masyarakat. Oleh hal yang demikian, karya sastera dikatakan bukan sahaja merupakan imaginasi pengarangnya, bahkan di dalamnya terkandung fakta yang sebenar merangkumi pelbagai disiplin ilmu seperti ilmu sosial, sejarah, ekonomi dan bidang-bidang lain. Sehubungan itu, para pengarang novel Tamil di Malaysia dan di Sri Lanka bukan sahaja berperanan sebagai pemikir, malah merupakan pengkritik dan merakam sejarah kehidupan masyarakat ladang. Keadaan ini dapat dilihat dalam novel-novel terpilih Tamil di Malaysia dan di Sri Lanka yang dikaji. Kajian ini berupaya mencerminkan status sosioekonomi dan perjuangan masyarakat di ladang-ladang getah dan teh di kedua-dua negara ini yang pernah menjadi bekas tanah penjajahan British.

Kajian ini memberi ruang dan peluang untuk melihat persamaan dan perbezaan dalam status sosioekonomi masyarakat ladang dalam novel-novel Tamil di berlainan negara dengan menggunakan teori sastera bandingan berdasarkan pendekatan tematik dan pendekatan keselarian (*parallel theory*). Walaupun kajian perbandingan novel





Tamil dari Malaysia dan Sri Lanka adalah sesuatu yang baharu dalam dunia kesusasteraan Tamil, namun kajian ini dapat memberi manfaat yang bermakna untuk meninjau pengalaman para pengarang dari kedua-dua negara serta menganalisis isu-isu yang memperlihatkan persamaan dalam novel-novel tersebut dengan menggunakan pendekatan keselarian.

1.3 Permasalahan Kajian

Kajian ini bertujuan membuat perbandingan analisis karya novel yang dikarang oleh novelis Tamil di Malaysia dan di Sri Lanka. Novel merupakan suatu genre yang mengisahkan kehidupan masyarakat di samping menjadi wahana sosial yang mencerminkan masyarakat sesuatu zaman. Justeru, kajian ini dilakukan untuk meneliti aspek pemikiran yang ditonjolkan oleh para novelis ketika memperlihatkan kehidupan sosioekonomi masyarakat ladang dalam hasil penulisan mereka.

Sememangnya, kajian perbandingan novel ini merupakan kajian yang agak baharu terhadap teks-teks sastra Tamil di Malaysia dan di Sri Lanka. Setakat ini, tiada sebarang kajian khusus tentang kehidupan dan status sosioekonomi masyarakat ladang yang dipaparkan dalam karya-karya di Malaysia dan di Sri Lanka dijalankan secara perbandingan. Sejak awal abad ke-19, kaum India sebagai buruh di ladang tebu, kopi, teh dan getah telah mengalami pelbagai dugaan dan penderitaan di wilayah yang dihijrah oleh mereka. Mereka tidak mempunyai sebarang kemahiran dan terpaksa menjadi kuli dengan kadar upah yang rendah. Mereka ditempatkan di rumah-rumah





yang bertaraf *kandang* dan *kongsi* dengan kemudahan yang paling minimum (Janakey Raman Manickam. 2011). Golongan pekerja ladang ini yang menjalani kehidupan mereka dalam keadaan yang serba kekurangan dan persekitaran hidup yang menghayatkan hati, telah tetap memberi sumbangan yang bernilai dan besar kepada pembangunan negara, terutamanya dalam menjayakan dasar-dasar ekonomi kapitalis British (Jomo, K.S., 1988). Namun, para majikan Inggeris memandang rendah dan enggan memberi layanan adil kepada kaum buruh India. Mereka dianggap sebagai hamba dalam sistem feudal (Anbalakan, N., 2008).

Pengkaji berpendapat perlunya satu kajian yang agak menyeluruh tentang status sosioekonomi pekerja ladang di Malaysia dan di Sri Lanka kerana pekerja ladang di kedua-dua negara ini berasal daripada rumpun yang sama, iaitu dari wilayah Tamil Nadu di India. Pengkaji berharap bahawa hasil kajian seumpama ini dapat memberi pemahaman mendalam tentang masalah dan penderitaan hidup masyarakat ladang di kedua-dua negara ini pada zaman pra dan pasca kemerdekaan.

Idea tentang kajian ini tercetus setelah meneliti satu kajian tesis Sababathy Venugopal (1996) dari Universiti Malaya yang berjudul *Malaysian Tamil Novels After Indefence 1960-1981* (Novel Tamil Malaysia Selepas Kemerdekaan 1960-1981). Dalam kajian tersebut, beliau menyentuh kehidupan masyarakat ladang dalam novel-novel Tamil Malaysia selepas merdeka. Kajian beliau memaparkan corak kehidupan masyarakat India di ladang. Berhubung dengan hal ini, beliau mencadangkan satu kajian perbandingan antara novel Tamil Malaysia dengan Tamil Nadu atau Sri Lanka. Justeru, pengkaji menyahut seruan pengkaji terdahulu lalu kajian ini dibuat untuk





meneliti novel-novel terpilih Tamil dari Malaysia dan Sri Lanka yang tergolong dalam sastra diaspora.

Kajian ini perlu dilakukan untuk meninjau sejarah lingkaran hidup masyarakat ladang di Malaysia dan di Sri Lanka yang dilakarkan oleh sepuluh orang pengarang novel Tamil dari Malaysia dan Sri Lanka. Penyelidikan ini dibuat setelah melihat perlunya penyelidikan berupa kajian perbandingan terhadap karya Tamil di antara dua negara yang mempunyai masyarakat ladang yang berasal daripada rumpun yang sama. Pengkaji berpendapat kajian perbandingan ini amat penting untuk meninjau dan merekod status sosioekonomi masyarakat ladang di Malaysia dan di Sri Lanka seperti mana yang dipaparkan oleh para pengarang terpilih dalam teks karya mereka. Oleh itu, kajian ini akan lebih berfokus pada permasalahan sosioekonomi masyarakat ladang yang dikatakan terabai sejak zaman penjajahan dan awal kemerdekaan di kedua-dua negara ini.

Aspek-aspek yang ditinjau dan dibandingkan dalam kajian ini ialah kehidupan sosioekonomi masyarakat ladang yang terkandung dalam karya novel terpilih Tamil di Malaysia dan di Sri Lanka. Kajian ini juga adalah suatu usaha untuk melihat pemikiran dan keberkesanan para penulis menyampaikan masalah sosioekonomi masyarakat ladang dalam novel-novel Tamil terpilih itu.

Kajian ini juga dapat mengenal pasti faktor migrasi yang berlaku secara besar-besaran dalam kalangan masyarakat Tamil India serta dasar pengurusan manusia yang diamalkan oleh kerajaan British terhadap buruh-buruh India di ladang-ladang getah dan





teh. Novel-novel yang mengisahkan kehidupan kaum imigran di Malaysia dan di Sri Lanka ini mempunyai maklumat tentang sejarah, ekonomi dan sosial yang penting tentang sekumpulan manusia yang malang. Oleh itu, melalui kajian ini pengkaji dapat melihat sejauhmana sistem pentadbiran kerajaan British mempengaruhi corak kehidupan dan pemikiran sesuatu masyarakat yang berasal daripada satu rumpun yang sama tetapi hidup di wilayah yang berbeza.

Kajian perbandingan ini memberi ruang dan peluang untuk memahami kehidupan masyarakat ladang dari India yang dijajah di dua buah negara yang berlainan yang dijajah oleh Inggeris. Kajian perbandingan karya novel Tamil terpilih dari Malaysia dan Sri Lanka ini menjadi satu cabang sastera yang mencerminkan aspek sejarah, politik, budaya, ekonomi dan sosial yang diwarisi oleh masyarakat di kedua-dua negara di bawah penjajahan Inggeris. Menurut Sahlan bin Mohd. Saman (2007), walaupun karya sastera seperti novel tidak menjelmakan fakta dan data secara konkrit, namun fakta dan data tetap terpapar secara tersurat dan tersirat (Rosnah Baharudin, 2007). Oleh hal yang demikian, kajian ini dapat dijadikan dokumen sosial dan sejarah yang mampu menjadi rujukan asas berkaitan kajian tentang kehidupan masyarakat ladang diaspora.

Sebenarnya, karya seseorang pengarang merupakan suara yang lantang akan kepentingan sesuatu kelompok yang diwakilinya. Oleh itu, para pengarang ialah agen atau saluran yang menyuarakan pendapat sesuatu masyarakat tertentu. Hasil penulisan yang terpapar dalam sesebuah novel adalah merangkumi fikiran para pengarang tentang pelbagai kehidupan manusia yang diluahkan secara bertulis. Bersandarkan





prinsip itu, pengkaji bercadang untuk merungkaikan permasalahan masyarakat ladang dalam novel-novel terpilih Tamil dari Malaysia dan Sri Lanka dengan memberi tumpuan kepada status sosioekonomi dan corak kehidupan mereka sebagai masyarakat diaspora. Ekoran daripada itu, pengkaji yakin bahawa melalui kajian yang dilakukan ini dapat memaparkan kehidupan sosioekonomi masyarakat ladang diaspora di Malaysia dan di Sri Lanka yang hidup dalam kesengsaraan akibat penindasan pihak kolonial dan pengeksploitasian golongan kapitalis.

Berdasarkan fakta-fakta yang diuraikan, pengkaji berpendapat bahawa perlu membuat satu kajian berkaitan dengan isu-isu sosioekonomi masyarakat ladang di kedua-dua negara yang dapat dijadikan sebagai satu dokumen persejaraan masyarakat diaspora India di rantau ini. Walaupun ramai pengkaji telah membuat penyelidikan mengenai novel Tamil Malaysia dan Sri Lanka, namun tiada kajian yang dibuat oleh mana-mana penyelidik mengenai isu-isu sosioekonomi masyarakat ladang secara perbandingan. Memandangkan hal ini, pengkaji berhasrat mengkaji isu-isu sosioekonomi masyarakat ladang serta menganalisis unsur-unsur keselarian dalam isu-isu sosioekonomi masyarakat ladang di Malaysia dan di Sri Lanka berdasarkan teori sastera bandingan. Melalui kajian ini, pengkaji berharap bahawa sebahagian lompong-lompong yang terdapat dalam kajian novel Tamil di Malaysia dapat dipenuhi.





1.4 Objektif Kajian

Kajian ini menjurus kepada objektif yang berikut:

1. Mengenal pasti isu-isu sosioekonomi masyarakat ladang di Malaysia dan di Sri Lanka dalam novel-novel terpilih Tamil Malaysia dan Sri Lanka.
2. Membandingkan isu-isu sosioekonomi masyarakat ladang yang terdapat dalam novel-novel terpilih Tamil Malaysia dan Sri Lanka.
3. Menganalisis unsur-unsur keselarian dalam isu-isu sosioekonomi masyarakat ladang dalam novel-novel terpilih Tamil di Malaysia dan di Sri Lanka.

1.5 Soalan Kajian

1. Apakah isu-isu sosioekonomi masyarakat ladang di Malaysia dan di Sri Lanka yang didapati dalam novel-novel terpilih Tamil Malaysia dan Sri Lanka?
2. Adakah isu-isu sosioekonomi masyarakat ladang dalam novel-novel terpilih Tamil Malaysia dan Sri Lanka mempunyai persamaan atau perbezaan?
3. Apakah unsur-unsur keselarian dalam isu-isu sosioekonomi masyarakat ladang dalam novel-novel terpilih Tamil Malaysia dan Sri Lanka?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian perbandingan ini adalah penting untuk memahami akan kepentingan novel-novel Tamil yang menjadi sumber persejarahan masyarakat ladang di Malaysia dan di





Sri Lanka. Oleh sebab itu, pengkaji berpendapat bahawa suatu kajian secara objektif dan saintifik dengan menggunakan teori sastera bandingan terhadap teks novel Tamil Malaysia dan Sri Lanka adalah sangat penting. Sehubungan itu, pendekatan tematik digunakan untuk mengenal pasti dan membandingkan isu-isu sosioekonomi di samping teori keselarian digunakan (*Parallel Theory*) untuk meneliti ciri-ciri persamaan dalam novel-novel terpilih Tamil Malaysia dan Sri Lanka ini. Kedua-dua pendekatan yang digunakan di bawah teori kesusasteraan bandingan semasa menjalankan kajian ini adalah sesuatu yang baharu dalam kajian sastera Tamil di negara ini. Setakat ini tidak ada satu kajian berhubung kait dengan kehidupan masyarakat ladang di Malaysia dan di Sri Lanka dijalankan. Justeru, kajian ini akan dapat mengisi kekosongan tersebut.

Kajian ini juga penting kerana berusaha mengkaji dan menganalisis isu kemiskinan dan kemunduran pekerja-pekerja ladang di Malaysia dan di Sri Lanka secara perbandingan. Menurut Kamaruddin M.Said (1984), kajian tentang masalah kemiskinan pekerja ladang kurang dilakukan berbanding dengan kajian-kajian mengenai kehidupan sosioekonomi kaum petani, pekebun-pekebun kecil, nelayan-nelayan yang tinggal di kawasan desa (Hairi, 1984). Hasil Dapatan Kamaruddin M.Said (1984) ini memperlihatkan kelompangan dalam kajian-kajian yang terdahulu mengenai isu kemiskinan dalam kalangan masyarakat ladang. Akibatnya, kajian ini dapat mengisi sedikit kelompangan tersebut.

Di samping itu, kajian ini amat penting kerana lebih merupakan suatu dokumen ilmiah yang berguna bagi generasi kini dan akan datang untuk mengenali dan menghayati kehidupan masyarakat buruh imigran di ladang-ladang getah dan teh di





Malaysia dan di Sri Lanka secara jelas dan telus. Kajian ini yang lebih menjurus kepada kehidupan masyarakat imigran pada zaman penjajahan dan pascakemerdekaan di Malaysia dan di Sri Lanka dapat membuktikan pengaruh kapitalis Eropah dan dasar-dasar pemerintah British di negara-negara tanah jajahan semasa dan selepas penjajahan.

Kajian ini juga mempunyai kepentingan tersendiri dalam usaha meningkatkan pemahaman dan penghayatan yang lebih baik tentang peranan novel-novel Tamil Malaysia dan Sri Lanka dalam memaparkan kehidupan masyarakat ladang. Hal ini kerana, analisis perbandingan seumpama inilah julung kali digunakan untuk mengkaji dan membandingkan novel-novel Tamil tempatan dengan karya dari negara luar. Kajian perbandingan sastera ini bukan sahaja dapat menganalisis dua jenis tradisi kesusasteraan, bahkan dapat menghubungkan keakraban antara pengiat sastera di kedua-dua negara ini. Pengkaji berharap bahawa melalui kajian seumpama ini, perhubungan dari perspektif budaya, sastera dan sosial dapat dieratkan antara para pencinta sastera, penulis dan penyelidik di kedua-dua negara ini .

Pada waktu yang sama, para peminat sastera Tamil juga dapat menjadikan hasil kajian ini sebagai panduan untuk meninjau dan membandingkan pemikiran penulis-penulis novel Tamil tempatan dengan Sri Lanka yang memaparkan kehidupan masyarakat ladang dalam karya masing-masing. Walaupun pengkaji memfokuskan kajian ini terhadap perbandingan aspek-aspek sosioekonomi , namun tujuannya bukanlah untuk membuat kesimpulan semata-mata tentang keselarian aspek-aspek ini dalam karya dari kedua-dua negara tersebut. Sebenarnya, berdasarkan kajian perbandingan ini, pembaca dapat meneliti mentaliti penulis-penulis novel dalam





memperjuangkan hak masyarakat imigran ladang di kedua-dua negara ini. Malahan, pengkaji dan para peminat sastera dapat memahami ciri-ciri karya yang dihasilkan serta dapat melihat perbezaan dan persamaan antara isu yang diperjuangkan oleh novelis di dua rantau politik yang berbeza.

Selanjutnya, hasil kajian ini juga penting agar pembaca dapat memahami faktor-faktor yang menghalang kemajuan masyarakat ladang dan kekangan yang dihadapi masyarakat tersebut untuk mengubah corak dan nasib hidup mereka di kedua-dua negara ini. Kajian ini sebagai kajian perbandingan bukan sahaja menganalisis kehidupan masyarakat, malah membicarakan corak kehidupan dan cara pemikiran masyarakat ladang di bawah sistem penjajahan. Oleh itu, pengkaji yakin bahawa hasil dapatan kajian ini dapat membantu mencetuskan kesedaran dalam kalangan pembaca tentang zaman penjajahan dan penindasan pihak kapitalis terhadap masyarakat ladang.

Seterusnya, pengkaji percaya bahawa kajian ini dapat membantu para pembaca, terutamanya generasi baharu, memahami isu-isu sebenar dalam masyarakat ladang dan memberi pendedahan tentang kedudukan sosioekonomi masyarakat diaspora di kedua-dua negara ini. Kajian ini juga penting untuk memperjelaskan generasi pembaca baharu yang jahil tentang nilai-nilai sejarah, latar belakang dan perjuangan bangsa secara tersurat dan tersiert. Selain itu, adalah diharapkan kajian ini turut dapat memberi peluang kepada penyelidik baharu yang ingin mengetahui atau membuat kajian susulan berhubung dengan corak kehidupan masyarakat diaspora di negara lain.





Kepentingan hasil kajian ini juga dilihat dari segi sumbangannya dalam memperbanyakkan kajian novel Tamil di Malaysia dan di Sri Lanka. Hasil kajian ini boleh dijadikan sorotan literatur oleh pengkaji lain yang ingin mengkaji kedudukan masyarakat imigran lebih kurang 30 juta orang yang dikatakan berhijrah dalam lingkungan tahun 1834 hingga 1937 dari benua kecil India ke serata dunia (Sivalingam, S., 2015).

Kajian ini dapat turut memberi sumbangan terhadap perkembangan ilmu sastera, khususnya perbandingan sastera yang berhubung kait dengan penggunaan teori sastera bandingan, pendekatan tematik, teori keselarian dan disiplin-disiplin yang berkaitannya. Selain itu, kajian ini dapat membuka dimensi baharu dalam usaha menggunakan pendekatan tematik dan pendekatan keselarian dalam tugas mengkaji dan menganalisis novel-novel Tamil, khasnya di Malaysia dan di Sri Lanka.

Secara umumnya, kajian perbandingan ini dapat mengisi keperluan menjalankan kajian kritikan novel Tamil yang melibatkan pendekatan sastera bandingan. Setakat ini masih belum terdapat kajian yang berfokus untuk melihat novel-novel Tamil Malaysia dari aspek pendekatan tematik dan keselarian atau *parallel* di negara ini. Hasil kajian ini juga memberi ruang kepada sarjana ketika melakukan penyelidikan susulan berteraskan karya Tamil di Malaysia dan di Sri Lanka atau di negara-negara lain di rantau ini. Pengkaji berharap kajian ini dapat memberi ruang kepada peminat dan pencinta sastera Tamil di Malaysia dan di Sri Lanka untuk menilai dan memahami kedudukan novel-novel Tamil sebagai hasil karya sastera yang memiliki fungsi dan peranannya tersendiri. Hasil dapatan kajian ini boleh dijadikan





sumber maklumat dan hasil dokumentasi yang bermanfaat kepada peminat sastera Tamil di negara ini.

Sehubungan itu, kajian ini mempunyai justifikasi sebagai pengisi kelompangan dalam kajian kesusasteraan bandingan yang melibatkan novel-novel Tamil dari Malaysia dan Sri Lanka. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan untuk meninjau hubungan dan persamaan antara karya novel dari dua buah negara yang berbeza dengan menggunakan teori kesusasteraan bandingan. Secara keseluruhannya, kajian ini penting untuk melihat unsur-unsur keselarian dalam kehidupan masyarakat di ladang getah dan ladang teh yang cuba diketengahkan oleh para pengarang dari kedua-dua negara ini.



1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian amat penting untuk memastikan agar kajian mempunyai hala tuju yang tepat. Dalam tesis ini, pengkaji memberi tumpuan kepada aspek mengenal pasti isu-isu sosioekonomi masyarakat ladang di Malaysia dan di Sri Lanka serta membandingkan persamaan dan perbezaannya di samping menganalisis persamaan isu-isu sosioekonomi masyarakat ladang di kedua-dua negara berdasarkan teori kesusasteraan bandingan dengan menggunakan pendekatan tematik dan pendekatan keselarian.

Oleh sebab kajian ini bersifat kualitatif, tidak memerlukan bilangan bahan kajian yang banyak. Berikutan ini, pengkaji membataskan kajian ini kepada sepuluh





buah novel Tamil sahaja. Sepuluh pengarang novel yang dipilih untuk kajian ini mempunyai pengaruh latar dan hubungan pemikiran dengan kehidupan masyarakat ladang. Selain itu, golongan ini ialah pengarang-pengarang novel yang lebih cenderung mengangkat permasalahan masyarakat ladang di Malaysia dan di Sri Lanka. Novel-novel yang dipilih adalah seperti berikut:

Jadual 1.3

Novel-novel Tamil Malaysia yang dipilih (NTM)

Judul	Pengarang	Tahun	Muka surat
<i>Ilaticiya payana:m</i> (Menuju Cita-cita)	I.Ilavazhagu	1973	424
<i>Va:nathu ve:likal:</i> (Sempadan Langit)	Re.Karthigesu	1997	160
<i>Man:pulu-kkal</i> (Cacing Tanah)	C.Muthusamy	2006	182
<i>Noivapu:kkal</i> (Bunga Getah)	Ko.Punniavan	2008	172
<i>Al-aka:na maunam</i> (Kesepian Indah)	Nilaavannan	2015	248



Jadual 1.4

Novel-novel Tamil Sri Lanka yang dipilih (NTSL)

Judul	Pengarang	Tahun	Muka surat
<i>Thu:rathu paccai</i> (Kehijauan Saujana)	Kogilam Suppiah	1964	336
<i>Malaikkol:unthu</i> (Tunas Gunung)	Nanthi	1964	243
<i>Conhtakka:ran</i> (Saudara)	Benedict Balan	1968	207
<i>Kuruthi malai</i> (Gunung Berdarah)	Nyanasegaran	1978	291
<i>Aval va:la-tthan po:kira:l</i> (Dia akan Hidup)	Mathalai Somu	1996	230

Novel-novel tersebut dipilih berdasarkan pelbagai pertimbangan dan justifikasi. Pertimbangan utama yang digunakan ialah persamaan unsur intrinsik dalam novel-novel terpilih ini. Selain itu, semua novel yang dipilih ini memaparkan kehidupan masyarakat ladang dan status sosioekonomi mereka secara mendalam. Novel-novel





yang dipilih sesuai dijadikan bahan kajian kerana mempunyai latar masa yang sesuai, iaitu antara tahun 1900-an hingga 1970-an yang benar-benar menjurus kepada kehendak kajian perbandingan ini.

Walaupun tahun terbitan setiap novel itu agak jauh berbeza, namun jalan cerita dan latar masa yang dibawa dalam novel-novel berkenaan adalah berkisar pada zaman penjajahan dan zaman selepas kemerdekaan sehingga sekitar tahun 1970-an di Malaysia dan di Sri Lanka. Secara umumnya, pemilihan novel-novel dilakukan oleh pengkaji dengan memperlihatkan kekuatan para pengarang dalam mengolah cerita serta struktur penceritaan yang menepati kehendak kerangka kajian. Sehubungan itu, novel-novel yang dipilih mempunyai kaitan yang rapat dengan corak kehidupan dan tradisi masyarakat imigran India di kedua-dua negara tersebut.



Sementara itu, beberapa justifikasi telah dibuat untuk mencari asas persamaan yang melicinkan proses kajian dan menepati disiplin kesusasteraan bandingan. Antaranya ialah konsepsi atau fahaman yang lahir daripada latar belakang dan persekitaran para pengkarya di kedua-dua negara ini. Pertimbangan-pertimbangan ini bertujuan mencari asas persamaan untuk memudahkan agar kajian menepati kehendak teori kesusasteraan bandingan yang menggunakan pendekatan tematik dan keselarian dalam kajian ini. Sehubungan itu, dari aspek dalaman, kebanyakan para pengarang novel yang dipilih mempunyai visi yang hampir sama untuk memaparkan kehidupan masyarakat ladang melalui karya-karya mereka.





Pada waktu yang sama, pengkaji membataskan perbincangan hanya pada aspek-aspek sosioekonomi masyarakat ladang dalam novel-novel terpilih Tamil dari Malaysia dan Sri Lanka sahaja. Aspek tema-tema yang berkaitan dengan isu-isu sosioekonomi seperti kemiskinan, pendapatan, perumahan, pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas yang melibatkan masyarakat ladang di Malaysia dan di Sri Lanka telah dikenal pasti dan dianalisis. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan membandingkan tema dan persoalan yang terpapar dalam novel-novel terpilih Tamil dari Malaysia dan Sri Lanka serta menganalisis unsur-unsur keselarian dalam isu-isu sosioekonomi masyarakat ladang yang diperlihatkan dalam karya novel dari kedua-dua negara ini.

Kajian kesusasteraan bandingan ini dibuat secara terperinci dengan menggunakan pendekatan tematik serta teori atau pendekatan keselarian (*Parallel Theory*). Melalui teori dan pendekatan ini, dua perkara telah difokuskan sebagai subjek, iaitu konsepsi para pengarang novel-novel Tamil terpilih terhadap sesuatu tema, isi, perkara, dan peristiwa yang berkaitan dengan status sosioekonomi masyarakat ladang serta faktor-faktor yang turut menentukan ciri-ciri persamaan dalam karya-karya mereka.

Dalam kajian ini, novel-novel yang dihasilkan oleh penulis Tamil tempatan dan Sri Lanka digunakan sebagai asas kajian atau sumber primier. Jurnal-jurnal, buku-buku ilmiah, akhbar-akhbar tempatan, majalah, makalah, artikel dan kaedah kepustakaan yang berkaitan dijadikan sebagai sumber sekunder. Kajian ini lebih berfokus kepada



perbandingan aspek pemikiran dan gambaran yang terakam dalam NTM dan NTSL tentang sosioekonomi masyarakat ladang secara keseluruhan.

1.8 Definisi Istilah

Pengkaji akan memberikan definisi tentang konsep analisis bandingan, sosioekonomi, pekerja ladang, novel Tamil Malaysia dan novel Tamil Sri Lanka sahaja.

1.8.1 Kajian Perbandingan

Pengkaji telah membaca dan meneliti beberapa buah novel Tamil dari Malaysia dan Sri Lanka untuk membuat perbandingan teks. Selepas itu, pengkaji memilih lima buah novel dari setiap negara. Novel-novel itu dipilih berdasarkan elemen-elemen persamaan dalam tema dan persoalan. Seterusnya, pendekatan tematik digunakan untuk mengenal pasti dan membandingkan isu-isu sosioekonomi yang terpapar dalam novel Tamil dari Malaysia dan Sri Lanka. Sementara itu, pendekatan keselarian (*Parallel Theory*) digunakan untuk menganalisis ciri-ciri persamaan.



1.8.2 Novel Tamil Malaysia (NTM)

Novel-novel Tamil muncul selepas kemunculan genre sastra Tamil lain seperti sajak, cerpen dan drama. Namun demikian, secara keseluruhannya genre novel Tamil sangat popular dalam kalangan pembacanya dan mempunyai kedudukan yang istimewa dalam kesusasteraan Tamil. Novel berjudul *Pirataba Mutaliyar Carittiram* yang dikarang oleh Mayuram Vetanayagam Pillai pada tahun 1876 ialah novel Tamil pertama. Novel ini juga dianggap sebagai novel kedua di benua kecil India. Dengan ini, bermulalah satu era baru dalam bidang penulisan kesusasteraan novel Tamil (Sababathy, V., 1996).

Genre novel Tamil ini mula berkembang di Malaysia pada penghujung abad ke-19. Dalam peredaran masa, novel semakin mendapat perhatian dan sambutan hangat daripada pembaca sastra Tamil. Berikutan perubahan citarasa para pembaca, novel menduduki tangga teratas dalam kesusasteraan Tamil. Pada masa ini, novel mempunyai peminat, pembaca dan pengkritik yang paling ramai berbanding dengan genre sastra yang lain seperti puisi dan drama. Novel yang berjudul *Karunakaran Allathu Katalin Matchi* karya K.Vengadaratnam pada tahun 1917 ialah novel Tamil yang pertama di Malaysia. Novel ini disusuli oleh karya K.Subramaniam, iaitu *Balasundram allathu Sanmarka Jayam* pada tahun 1918 (Sababathy, V., 1996).

Sejak tahun 1917 sehingga 1950, hanya sebanyak 20 buah novel sahaja dihasilkan oleh penulis tempatan (Selvaraj, V., 1997). Pada mulanya, tema dan persoalan novelis Tamil di Malaya tertumpu pada hal-hal tentang masyarakat yang berlatarkan Sri Lanka dan India. Keadaan ini rata-rata telah mula berubah pada 1950-





an kerana ramai penulis mula menggunakan tema dan latar tempatan yang mengisahkan kesengsaraan masyarakat di ladang getah di bawah pemerintahan British. Selepas kemerdekaan, hasil sastera Tamil khususnya novel telah mula berkembang dengan pesat. Perkembangan penulisan novel juga membawa kepada kajian-kajian yang berterusan.

1.8.3 Novel Tamil Sri Lanka (NTSL)

Kesusasteraan Tamil Sri Lanka mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Terdapat tiga aliran sastera Tamil yang diusahakan oleh etnik Tamil, Tamil India dan Tamil Muslim di Sri Lanka. Pada umumnya dapatlah dikatakan terdapat tiga golongan masyarakat yang berbahasa Tamil menetap di Sri Lanka. Golongan pertama ialah etnik Tamil asal Sri Lanka ataupun dikenali *Jaffna Tamils* yang menjadi golongan majoriti dalam masyarakat Tamil di Sri Lanka. Golongan seterusnya ialah masyarakat Muslim Sri Lanka ataupun dikenali *Moors (Tamil Speaking People)* dan ketiga ialah masyarakat Tamil India ataupun digelar *Malayaga people*. Bahasa Tamil ialah bahasa ibunda bagi ketiga-tiga kumpulan ini (Sivathambi Kaarthigesu, 1995).

Kemajmukan yang terdapat dalam kalangan etnik yang bertutur bahasa Tamil di Sri Lanka ini mewujudkan suasana budaya dan politik yang berbeza serta aliran karya sastera yang berbeza. Variasi ini mempengaruhi pemilihan tema, penerapan nilai dan latar yang berbeza dalam karya yang dihasilkan oleh ketiga-tiga golongan penulis Tamil ini di Sri Lanka. Oleh itu, wujudlah tiga aliran sastera Tamil yang berbeza di Sri Lanka.





Golongan pengkarya Tamil dari etnik asal Tamil Sri Lanka yang juga dikenali sebagai masyarakat Tamil Jaffna dari wilayah Utara dan Timur Sri Lanka dianggap setanding dengan pengkarya sastra Tamil di Tamil Nadu, India. Hasil karya mereka mendominasi dunia kesusasteraan Tamil di Sri Lanka serta mereka mempunyai perhubungan yang erat dengan sarjana Tamil di Tamil Nadu, India (Kadikasalam, N., 2001).

Peranan golongan pengkarya masyarakat Muslim Sri Lanka (*Tamil Speaking People*) dalam perkembangan dunia sastra Tamil juga tidak kurang pentingnya. Majoriti masyarakat Muslim yang tinggal di wilayah Timur dan Tenggara Sri Lanka telah menghasilkan pelbagai penulisan yang berbentuk agama dan ilmiah. Hasil penulisan mereka itu dikenali sebagai sastra aliran Tamil Muslim ataupun sastra Tamil wilayah Muslim (Arunasalam, K., 2003).

Kelompok yang ketiga ialah pengkarya sastra daripada golongan penulis Tamil diaspora India dari wilayah pergunungan atau perladangan *Malayagam*. Hasil sastra mereka biasanya bertemakan kehidupan masyarakat ladang teh di Sri Lanka. Sastra dari wilayah perladangan inilah dikenali sebagai *Malayaga Tamil Ilakkiyam* atau sastra Tamil masyarakat Malayagam -*Hill Country people's Tamil literature*. (Arunasalam, K., 2003) Golongan inilah etnik imigran dari India yang secara besar-besaran bertapak di pergunungan wilayah Tengah Sri Lanka sejak abad ke-19. Masyarakat keturunan India ini digelar sebagai *Malayaga Makkal* atau masyarakat Malayagam.





Perkembangan kesusasteraan Tamil di Malayagam, Sri Lanka dibahagikan kepada tiga zaman, iaitu zaman awal (1825 – 1920), zaman kesedaran (1921-1950an) dan zaman reformasi (1960 sehingga kini). Permulaan zaman reformasi merupakan zaman kemunculan novel-novel yang mencorakkan permasalahan dan penderitaan masyarakat ladang di Sri Lanka (Arunasalam, K., 2003).

Novel pertama (cerita panjang bersambung) di Malayagam, Sri Lanka dicatatkan telah dihasilkan oleh Ko.Nadesa Aiyar pada Oktober 1924. Akhbar dan majalah berperanan penting dalam menghasilkan novel di wilayah *Malayagam*, Sri Lanka (Arunasalam, K., 2003). Dalam kajian ini, novel Tamil Sri Lanka merujuk kepada novel Tamil *Malayagam* Sri Lanka.



1.8.4 Ladang

Menurut Ting Chew Peh (1997), estet atau ladang ialah satu bentuk stratifikasi sosial yang wujud dalam masyarakat Eropah pada zaman pertengahan. Estet juga dianggap sebagai satu lapisan sosial. Tiap-tiap lapisan mempunyai hak dan tugas serta keistimewaan tersendiri. Setiap estet atau ladang terdiri daripada pelbagai jenis pekerjaan dan tingkat sosioekonomi. Mengikut konsep estet, golongan rakyat biasa ialah golongan yang diperintah dan tertindas. Ramai mereka terdiri daripada kaum tani, tukang, orang suruhan dan hamba. Pada asasnya konsep estet atau ladang merupakan satu sistem ketidaksamaan yang disokong kuat oleh sistem undang-undang (Ting Chew Peh, 1997).





Di Tanah Melayu, konsep ladang mula wujud menjelang akhir abad ke-19, ketika permintaan terhadap getah meningkat. Pihak pelabur British yang mempelopori penanaman kopi, memohon tanah untuk menanam tanaman baru, iaitu getah. Pilihan ini telah digalakkan oleh pihak kerajaan British untuk kepentingan perladangan dengan memberi perlepasan sewa tanah dan duti serta subsidi mengimport buruh India. Berikutan ini, beberapa kumpulan ladang telah ditubuhkan (Jomo, K.S., 1988).

Ladang ditafrikkan sebagai kawasan tanah dengan keluasan tidak kurang daripada 40.7 hektar atau 100 ekar dan ditanam dengan getah, teh dan kelapa sawit (Ramasamy, 1984). Dalam kajian ini, ladang merujuk kepada ladang-ladang yang dibentuk atau dibuka oleh kerajaan British secara besar-besaran pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 di Tanah Melayu dan di Sri Lanka.



1.8.5 Masyarakat Ladang

Kumpulan etnik dari India yang ditempatkan di ladang-ladang getah, kopi dan teh sebagai pekerja imigran di Tanah Melayu dan di Sri Lanka pada abad ke-19 digelar sebagai pekerja ladang. British membawa masuk pekerja ladang melalui *Indenture System* atau sistem buruh terikat. Sistem buruh terikat dianggap sebagai sistem perhambaan baharu oleh golongan bangsawan Inggeris (Jomo, K.S., 1988). Sistem buruh terikat atau sistem kontrak merupakan sistem yang terawal dalam pengambilan buruh India. Jumlah buruh terikat dari India yang dibawa ke Tanah Melayu antara tahun 1870 hingga 1910 adalah seramai 249,832 orang (Sandhu, K.S., 1969).





Seterusnya, pada tahun 1907, sistem *kangani* diperkenalkan. Pengambilan buruh melalui sistem *kangani* dianggap sedikit lebih profesional berbanding dengan sistem kontrak kerana sistem *kangani* terikat dengan peraturan. Namun, sistem ini juga gagal memenuhi keperluan buruh. Masalah ini diatasi melalui sistem gedung agensi, iaitu perjalanan percuma diberikan kepada buruh ke negara ini melalui Dana Imigresen Tamil ditubuhkan (Jomo, 1988). Sistem pengambilan buruh ini meningkatkan jumlah penghijrahan buruh ke ladang-ladang. Di bawah sistem baru ini, seramai 1,910,820 orang buruh India dicatatkan memasuki Tanah Melayu pada tahun 1941 (Sandhu, K.S., 1969).

Pada permulaannya, British menganggap kemasukan buruh India sebagai keadaan sementara sahaja. Penghantaran balik buruh ini lebih diutamakan. Namun, orang India mula menetap di ladang-ladang selepas mereka menjadi buruh bebas, iaitu tidak terikat pada kontrak atau majikan. Hal ini kerana kadar upah dan keadaan buruh beransur pulih (Jomo, K.S., 1988). Bilangan masyarakat India di Tanah Melayu pada tahun 1957 ialah 858,615 orang dan 62.1% daripadanya ialah anak tempatan (Sandhu, K.S., 1962).

Pada abad ke-19, sama seperti di Tanah Melayu, Sri Lanka juga menjadi antara wilayah yang menjadi tempat penghijrahan begitu ramai imigran dari India. Di Sri Lanka, etnik Tamil India atau masyarakat Tamil *Malayagam* ialah masyarakat Tamil yang dibawa oleh British ke Sri Lanka dari Tamil Nadu, India Selatan untuk bekerja di ladang-ladang kopi, getah dan teh. Sejarah kedatangan mereka ke Sri Lanka sebagai buruh imigran adalah sama seperti kedatangan orang India ke Tanah Melayu. Sistem





kontrak dan sistem *kangani* amat peranan dalam penghijrahan mereka secara beramai-ramai. Pada tahun 1850-an, jumlah buruh India di Sri Lanka ialah 5,000 orang. Bilangan ini meningkat pada tahun 1934 kepada 700,000 orang (Sinnathamby, S., 2015). Mereka mengalami pelbagai penindasan dan masalah ekonomi sepanjang sejarah Sri Lanka.

Secara jelas, kebanyakan masyarakat ladang di Tanah Melayu dan di Sri Lanka adalah berasal dari India Selatan dan etnik Tamil India merupakan golongan majoriti di kedua-dua negeri ini. Etnik Telugu dan Malayalee dari India juga turut bersama tetapi bilangan mereka tidak ramai (Arumugam Raman, 2015). Menurut Kamaruddin M. Said (1984), masyarakat ladang, terutamanya kaum India merupakan golongan proletariat yang tinggal terasing daripada golongan kaum lain sehingga mereka menjadi satu kelompok pekerja yang mempunyai cara hidup yang tersendiri (Hairi Abdullah, 1984).



Buruh dari India yang bekerja di ladang getah di Tanah Melayu digelar masyarakat India, manakala buruh dari India yang bekerja di ladang teh di Sri Lanka digelar masyarakat *Malayagam* atau *Hill Country people's*. Masyarakat ladang dalam kajian ini merujuk kepada golongan yang berhijrah dari India ke Tanah Melayu dan Sri Lanka serta waris-warisan mereka yang terus menetap di ladang-ladang.

1.8.6 Sosioekonomi

Menurut Kamus Ensiklopedia (Jilid 2- 1997), sosioekonomi ialah perkembangan yang melibatkan unsur-unsur atau faktor-faktor kemasyarakatan dengan ekonomi. Mengikut





Kamus Dewan Edisi Baru (1989), sosioekonomi merupakan perkataan Inggeris yang berkaitan dengan masyarakat dan ekonomi. Kata sosioekonomi ini juga ada kaitan dengan ilmu yang mengkaji kehidupan manusia dalam masyarakat. Mengikut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994) pula, perkataan sosio-ekonomi dimaksudkan sebagai sesuatu yang berkaitan dengan masyarakat dan ekonomi yang melibatkan unsur-unsur atau faktor-faktor yang berhubung dengan kemasyarakatan dan ekonomi. Mengikut definisi lain, konsep sosioekonomi merujuk kepada gabungan daripada dua aspek utama dalam masyarakat, iaitu sosial dan ekonomi yang melibatkan perkara yang berkaitan dengan jumlah isi rumah, pekerjaan, status perkahwinan, pendapatan, status pelajaran, kesihatan serta pemilikan harta (M. Shuid, 2011). Pelbagai aspek sosial dan ekonomi saling menjadi pengukur pembangunan sesuatu golongan (Ummadevi, 2016).



kalangan masyarakat ladang berdasarkan beberapa petunjuk status sosioekonomi seperti tahap kemiskinan, pendapatan, perumahan, pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas masyarakat ladang di Malaysia dan di Sri Lanka.

1.9 Kesimpulan

Kajian kesusasteraan bandingan ini mengetengahkan fenomena masyarakat ladang dari India yang menjadi imigran di ladang getah di Malaysia dan di ladang teh di Sri Lanka sejak abad ke-19. Kajian ini hanya memfokuskan masalah sosioekonomi masyarakat ladang yang digambarkan dalam karya novel terpilih Tamil di kedua-dua negara ini.





Walaupun pengkaji lebih memfokuskan isu-isu sosioekonomi masyarakat yang dikaji, namun keseluruhan kajian berpusat kepada usaha untuk meninjau dan membandingkan pemikiran dan keberkesanan penyampaian para pengarang novel Tamil tentang masalah tahap kemiskinan masyarakat ladang yang terpapar dalam hasil karya pengarang dari kedua-dua negara ini.

Pengkaji juga mendapati bahawa setakat ini tiada sebarang kajian komprehensif yang berfokus kepada masyarakat ladang dijalankan di kedua-dua negara ini secara perbandingan. Pengkaji juga berharap bahawa kajian ini akan mendorong generasi baharu untuk memahami dan menghayati pengorbanan generasi lama dalam membina dan memajukan industri perladangan yang membawa kemakmuran kepada Malaysia dan Sri Lanka serta rantau ini pada suatu ketika dahulu.

